

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA:

ENCIK JAINI BIN KARDI MENGENAI PENGLIBATAN BELIAU  
SEBAGAI TOKOH SUKAN SENI SILAT YANG TELAH  
MENYUMBANG KEPADA DAERAH SEGAMAT

DISEDIAKAN OLEH:

FARAH FATIN BINTI ABDULLAH SANI  
NURUL NASYALINDA BINTIMOHD DON

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA, JOHOR KAMPUS SEGAMAT BAGI  
MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS IMR604 – ORAL  
DOCUMENTATION

SEMESTER 5 (APRIL – JULAI 2015)

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

### **ISI KANDUNGAN**

	PENGHARGAAN	1
1.0	ABSTRAK	2
2.0	SINGKATAN KATA	3
3.0	BIODATA PENULIS	4-5
4.0	PENGENALAN	6-8
5.0	TRANSKRIP WAWANCARA	9-50
6.0	LOG WAWANCARA	50-55
7.0	KRONOLOGI	56
8.0	BIODATA TOKOH	57
9.0	SENARAI SOALAN	58-66
10.0	RALAT	67
11.0	SENARAI RUJUKAN	68
12.0	LAMPIRAN	69-77
13.0	INDEKS	78-79

# PENGHARGAAN

### PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah, terlebih dahulu bersyukur ke hadrat Ilahi atas limpah kurnia-Nya, akhirnya kami berjaya menyiapkan tugas yang diberikan berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR 604 – Dokumentasi Sejarah Lisan dengan lancar dan tepat waktu yang telah di tetapkan. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah subjek ini iaitu Encik Zul-Azmi Bin yang telah memberi banyak tunjuk ajar sepanjang perjalanan penulisan transkrip ini dijalankan. Tanpa sokongan beliau, belum tentu kami dapat menyempurnakan tugas ini dengan sebaik mungkin. Malahan, sokongan ibu bapa, para sahabat turu memainkan peranan pening dalam memberi sokongan moral, dorongan dan nasihat walaupun dari jauh. Tambahan pula, setinggi penghargaan ingin kami berikan kepada Encik Jaini Bin Kardi kerana sudi di temubual dan menjadi pengkisah dalam transkrip kami ini. Beliau begitu komited dan professional dalam bekerjasama untuk memberikan maklumat bagi memenuhi kriteria subjek Dokumentasi Lisan ini. Tanpa beliau, ini pasti menyukarkan kami dalam mencari maklumat dan menyiapkan tugas ini. Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada individu lain yang terlibat secara langsung aau tidak langsung dalam perjalanan menyiapkan tugas yang telah diberikan ini. Hanya Allah sahaj yang mampu membalas jasa kalian.

# ABSTRAK

### 1.0 ABSTRAK

**Abstrak:** Transkrip ini mengadungi temubual bersama Encik Jaini Bin Kardi mengenai penglibatan beliau dalam bidang sukan seni silat yang telah menyumbang kepada daerah Segamat. Transkrip temubual ini dijalankan di gelanggang futsal Kampung payar Lebar, 85000, Segamat, Johor Darul Ta'zim dan Surau Kampung Paya Lebar, 85000, Segamat, Johor Darul Ta'zim bermula jam 10.30 malam. Beliau merupakan salah seorang tokoh seni silat dan jurulatih di sebuah institusi awam tempatan, iaitu UiTM Segamat dalam sebuah badan kokurikulum yang ditubuhkan bagi menggalakkan pelajar-pelajar universiti memupuk minat mereka dalam menerokai bidang warisan turun temurun pendekar melayu suatu masa dahulu daripada lekang dek zaman. Transkrip ini mengisahkan sedikit tentang latar belakang beliau serta penglibatan beliau dalam bidang ini dalam menyumbang kepada daerah Segamat. Beliau juga berkongsi pengalaman beliau semasa menjadi jurulatih Silat Cemandir di UiTM. Beliau juga tidak keberatan memberikan kata-kata dan pandangan mengenai isu-isu semasa yang berkaitan dengan seni silat pada zaman kini.

**SINGKATAN  
KATA**

## 2.0 SINGKATAN KATA

UiTM	Universiti Teknologi Mara
KARISMA	Karnival Sukan Mahasiswa
Sukan SEA	Southeast Asian Games
NGO	Non-Government Organization



**BIODATA**  
**PENULIS**

### 3.0 BIODATA PENULIS



**NAMA:** FARAH FATIN BINTI ABDULLAH SANI

**NO. ID. UiTM:** 2013161123

**TARikh LAHIR:** 26 OKTOBER 1993

**TEMPAT LAHIR:** HOSPITAL KAMPAR, PERAK

**NO TELEFON:** 012-7601080

**ALAMAT RUMAH:** NO 04-08, BLOK ORKID, IPD KULAIJAYA, 81000, KULAI,  
JOHOR DARUL TA'ZIM

**BIODATA PENULIS II**



**NAMA:** NURUL NASYALINDA BINTI MOHD DON

**NO. ID. UiTM:** 2013114721

**TARikh LAHIR:** 2 JULAI 1993

**TEMPAT LAHIR:** HOSPITAL SULTANAH AMINAH, MUAR JOHOR.

**NO TELEFON:** 0176373404

**ALAMAT RUMAH:** POS 316, TEMIANG TANJUNG, JALAN SALLEH, 84000  
MUAR JOHOR.

# PENGENALAN

### 4.0 PENGENALAN

#### 4.1 Objektif Kajian

- Menambah ilmu pengetahuan berkaitan bidang sukan seni silat
- Menghargai jasa-jasa tokoh sukan di daerah Segamat
- Mendapatkan gambaran sebenar tentang peranan tokoh sukan serta menjadi jurulatih pada waktu yang sama
- Membantu generasi muda agar tidak melupakan warisan melayu supaya terus dikekalkan

#### 4.2 Kaedah Kajian

Kaedah yang kami gunakan sepanjang temubual dijalankan adalah seperti berikut:

- Melalui pembacaan pelbagai sumber sama ada media cetak ataupun elektronik seperti internet dan keratin akhbar.
- Merujuk pensyarah mengenai prosedur serta tunjuk ajar dalam menyempurnakna tugas ini
- Mendapatkan keizinan serta persetujuan daripada tokoh sukan melalui panggilan telefon, surat rasmi, serta media social seperti whatsapp messenger.
- Menggunakan perakam suara sedia ada di telefon pintar bagi merakam audio atau perbualan antara penemubual dengan tokoh sukan

### 4.3 Silat di Malaysia

- Asal Usul Silat di Malaysia

Seni Silat atau Pencak Silat adalah salah satu seni mempertahankan diri bagi bangsa Melayu atau Nusantara yang diamalkan sejak berkurun yang lampau. Usia sesebuah ilmu atau salasilah seni silat tidak dapat dihuraikan secara terperinci dan tepat kerana tiada usaha-usaha untuk mengkaji dari pihak berwajib secara mendalam. Ada yang menganggarkan seni ini telah berusia beratus-ratus tahun dan diperturunkan dari generasi ke generasi. Ini termasuklah pengamal-pengamal seni mempertahankan diri ini di Brunei, Filipina, Indonesia, Malaysia, dan Thailand. Mereka yang belajar silat digelar pesilat. Amalan sekarang, pegajar atau guru silat digelar jurulatih dan seorang yang mewarisi aliran sesuatu perguruan digelar Guru Utama aliran itu. Kebanyakan guru silat kini menolak gelaran Mahaguru kerana bagi mereka gelaran 'maha' hanya sesuai untuk Allah (Tuhan) dan ini menepati perawakan guru silat yang kebiasaannya gemar menyembunyikan kemahiran mereka dan amat merendah diri. Pesilat senior yang telah lama berkecimpung dalam dunia silat sebagai pengajar (atau menyembunyikan kemahiran mereka), berkemahiran tinggi dan ada di antaranya mewarisi beberapa aliran yang telah hilang digelar sebagai Guru Tua dan amat dihormati. Pesilat yang mempunyai tahap silat yang tinggi digelar pendekar.

Antara senjata-senjata Melayu lama yang sering digunakan oleh pesilat adalah seperti keris, badik, kerambit, parang, pedang, lading, Tumbuk Lada, tekpi, tongkat, tembong dan sundang. Bagi silat yang tidak menggunakan senjata, pengajaran akan menumpukan perhatian kepada pertempuran tangan kosong (tanpa senjata). Secara am sesebuah aliran silat mengajar kedua-dua kemahiran dan aliran yang hanya menumpukan salah satu daripadanya adalah sedikit. Kebiasaannya seseorang penuntut atau murid baru akan ditumpukan kepada kemahiran tempur tangan kosong sebelum diajar bermain senjata. Bagi sesetengah aliran, hanya murid yang diiktiraf berkemahiran dan mempunyai adab keperibadian yang tinggi dibenarkan

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

mempelajari kemahiran senjata, terutama bagi yang mempunyai senjata yang dianggap senjata 'rasmi' bagi aliran itu.

Pergerakan silat terbahagi kepada bunga (pergerakan seolah-olah tarian, digelar juga seni atau tari) dan buah (pukulan atau buah pukul). Bagi mereka yang tidak pernah melihat seni pertahanan diri ini, mungkin ia kelihatan seperti sejenis tarian. Namun terdapat aliran yang hanya mempunyai buah seperti Silat Cekak dan Buah Bentayan. Seni tari yang halus ini memungkinkan ia digunakan sebagai persembahan dalam sesuatu majlis keramaian, malah hampir setiap aliran mempunyai 'tari sembah' termasuklah aliran yang tidak mempunyai bunga. Tari sembah ini dipersembahkan untuk memperkenalkan diri dan aliran yang diwakili/dipelajari. Dalam situasi pergaduhan, permulaan langkah dari tari sembah atau sejourus dari bunga yang diperlihatkan membolehkan pesilat mengenali rakan sealiran dan memungkinkan situasi berakhir dengan damai dan bermaaf-maafan.

Adalah menjadi ungkapan yang terkenal dan biasa disebut oleh guru-guru silat bahawa bunga silat mempunyai seribu satu muslihat. Selain daripada kelihatan mengelirukan (seolah-olah menari) dan sebab-sebab di atas, bunga juga digunakan untuk memberi masa dan ruang kepada lawan untuk menghulurkan salam perdamaian (ini dapat dilihat dalam kebanyakan bunga yang kelihatan seperti menghulur salam), menyembunyikan buah dan sudut serangan dan mengacah serta mengumpam lawan (kadangkala sehingga sengaja menunjukkan bahagian tubuh tertentu bagi diserang untuk memerangkap musuh). Silat Gayung Fatani terkenal dengan pergerakan bunga yang cantik dan istilah 'melilit'. Pesilat aliran ini akan sengaja memberi ruang dan isyarat kepada musuh untuk menyerang atau cuba melepaskan diri, di mana semakin musuh itu menyerang setelah termasuk perangkap kuncian, maka semakin ketat mereka akan 'terbelit' dalam kuncian pesilat aliran ini. Dan silat yang terakhir yang mempunyai keistemewaannya sendiri iaitu silat Cimande menjadi bagian dasar pendidikan aliran-aliran pencak silat baru yang sudah banyak tersebar diseluruh dunia. Akhir sekali, silat juga terkenal sebagai sistem pertahanan diri yang banyak menggunakan kuncian, sama ada kunci urat saraf atau anggota tubuh. Istilah 'kunci mati' adalah sinonim dengan silat.

**TRANSKRIP  
WAWANCARA**



## 5.0 TRANSKRIP WAWANCARA

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatu. Berikut adalah rakaman secara lisan bersama Encik Jaini Bin Kardi yang merupakan tokoh sukan seni mempertahankan diri iaitu silat dan menjadi tenaga pengajar di Universiti Teknologi Mara Segamat. Beliau mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang seni silat mempertahankan diri ini dan telah berkecimpung di dalam sukan ini selama tiga puluh enam (36) tahun. Rakaman ini dijalankan di gelanggang futsal Kampung Paya Lebar, Batu Anam pada enam belas Jun dua ribu lima belas (16.6.2015) pada jam sepuluh malam. Wawancara ini di kendalikan oleh Nurul Nasyalinda Binti Mohd Don dan Farah Fatin Binti Abdullah Sani. Dengan lafaz Bismillah dan segala hormatnya kita mulakan rakaman ini.

*Assalamualaikum → ada yg silat. ] lantak lah*

**NNMD: Bolehkan encik memperkenalkan latar belakang encik?**

JBK: Ok. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatu. Yang pertama sekali saya ucapkan terima kasih kepada dua orang pelajar UITM yang datang untuk menemubual diri saya dan sikit sebanyak tentang aaaa...(berfikir) sukan yang melibatkan diri didalam seni mempertahankan diri ini iaitu silat. Ok. Pertama sekali tentang latar belakang saya, nama saya Jaini Bin Kardi, berusia empat puluh lapan (48) tahun. Saya sudahpun berkahwin dengan isteri saya sekatang iaitu Rosnah Binti Darmuji. Saya di lahirkan di Kampung Kundang Ulu, Muar Johor. Aaa... Saya mempunyai empat orang anak bersama isteri saya, anak pertam Muhammad Izahar Asraf yang berusia dua puluh (20) tahun, yang kedua Nur Fatin Nabihah yang berusia lima belas (15) tahun, anak saya yang ketiga bernama Muhammad Hazim Asraf berusia dua belas (12) tahun dan anak bongsu saya berusia sepuluh (10) tahun iaitu Muhammad Azizi Asraf. Kesemua anak-anak saya masih belajar lagi. Ok. Aaa... Dari segi pendidikan saya pula,

*file d  
d  
awak*

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

saya Cuma belajar sehingga ke tingkatan lima (5) sahaja iaitu sampai diperingkat SPM sahaja.

**FFAS: Apakah hobi encik, selain daripada bersilat?**

JBK: Ok. Hobi saya aaa... selain daripada bersilat saya juga melibatkan diri dalam politik dan juga saya melibatkan diri dalam aaa... kalau ruang masa yang ada menternak aaa... (berfikir) belaan seperti itik, ayam dan juga ikan.

**FFAS: Berdasarkan pengetahuan encik, siapakah tokoh yang mencipta seni silat pertahakan diri ini?**

JBK: Ok. Dalam seni silat pertahakan diri ini, kalau kita nak himpulkan seni silat yang saya warisi ini aaa... berpunca dari empat perguruan yang pertama saya belajar bersama dengan perguruan saya iaini cimande oleh Allahyarham Tugiran. Lepas tu [itu] saya beralih kepada seni silat cimande juga encik Tusiran dan yang akhir sekali saya belajar seni silat cimande juga aaa... dengan Wak Sarmin Bin Parman.

**FFAS: Selain menjadi guru silat, apakah kerjaya atau pekerjaan encik sekarang?**

JBK: Dari segi kerjaya, selain daripada mengajar silat ini, saya Part Timelah [kerja sambilan] maksud dia bila orang memerlukan tunjuk ajar silat, saya juga bekerja sebagai penjawat awam di bahagian Unit Penguatkuasa Majlis Daerah Segamat.

**FFAS: Bagaimanakah encik menceburi dan melibatkan diri di dalam bidang seni silat ini?**

JBK: Ok. Kalau kita nak kaji, tak [tidak] semua orang boleh menghayati ilmu mempertahankan diri dalam silat. Saya bermula daripada melibatkan diri dalam seni silat melayu kita ini seusia dua belas tahun (12) tahun saya dah bermula, dua belas tahun (12) tahun dan seterusnya saya hinggalah sekarang, saya melibatkan diri dalam silat yang saya pelajari dan juga yang terbaru saya sedang aa.. apeni.. [apa ini] bergiat dalam silat olahraga dan sebagai wakil juri peringkat daerah dan peringkat negeri.

**FFAS: Bilakah encik memulakan dan berjinak-jinak di dalam bidang seni ini?**

JBK: Ok. Seperti yang saya aaa...perkatakan tadi seni ni [ini] aaa... ikut aaa... minat seseorang tu [itu] kadang-kadang ada yang seusia enam (6) tahun...lima(5) tahun...tetapi bagi diri saya dalam keluarga saya walaupun lapan (8) orang adik beradik, saya salah seorang yang melibatkan diri seusia dua belas tahun (12) tahun. Aaaa... masa tu [itu] saya ingat darjah enam saya mula belajar dua belas (12) tahun dan terus melibatkan diri hinggalah sekarang.

(bunyi cengkerik)

**FFAS: Jika encik bukan di dalam bidang ini, siapakah encik sekarang?**

JBK: Kalau saya...tidak melibatkan diri dalam bidang aaa... seni silat ini, mungkin saya berada sekarang sebagai aaa... ialah... seperti mana yang saya cakap tadi aaa.... Saya... giat dalam politik..kampung dan juga memegang beberapa jawatan dalam kampung untuk kemajuan kampung. Contohnya

sebagai pengerusi surau, pengerusi tadika dan juga pengerusi pakat kerja kahwin .

**FFAS: Dari manakah timbulnya minat di dalam seni silat ini?**

JBK: Ok bila kita sebut aaa... timbul seni silat ini boleh timbul dalam diri seseorang itu aaa... (berfikir) semulajadi bila dilahirkan tu [itu] darah seni tu [itu] dah ada. Mungkin daya.. darah seni saya mewarisi pada warisan atok saya, dari situ mulanya dan tak [tidak] semua orang boleh mempelajari aa..seni silat ini. Aa..dia boleh minat datang sendiri, dan kadang-kadang benda tu kena belajar. Jadi kalau kita kata nak tanya bila saya minat mungkin sedikit sebanyak warisan saya ada dan juga saya terus belajar sehingga dua belas (12) tahun hinggalah sekarang.

(Orang sedang berborak)

**FFAS: Siapakah yang mendorong encik di dalam menceburi sukan seni mempertahankan diri ini?**

JBK: Ok. Dalam ilmu pertahankan diri ini banyak. Contoh waja diri kita banyak seperti mempertahankan diri yang lainlah tekwando, karate, judo dan silat ini saya pilih kerana dia lebih kepada budaya melayu dan dorongan itu juga daripada rakan yang ada bersama-sama saya.

**FFAS: Bolehkah encik ceritakan sedikit tentang kemahiran dan kepakaran encik selain daripada bidang silat ini?**

JBK: Ok. Dalam bidang silat ini, aaa... ini terpulang kepada aaa...sikap orang yang mengamalkan seni silat itu sendiri. Dari segi kepakaran ni [ini] tidak semua

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

orang boleh aaa... (berfikir) mahir dalam suatu [sesuatu] bentuk aa.. silat atau perguruan kecuali kita dapat belajar melalui perguruan-perguruan yang ada paling tidak tiga atau empat. Seperti mana yang saya cakap tadi, saya daripada tiga guru, maka daripada tiga guru itulah aa.. saya mempelajari dan menghalusi gerak silat saya.

**FFAS: Sudah berapa lamakah encik menceburi didalam bidang selat [silat] ermm seni silat ini?**

JBK: aaa... dari maklum saya aa.. saya masuk dua belas tahun (12) tahun dan terus hayati dan hayati hinggalah ketahap ini saya masih ingat aa.. sekarang empat puluh lapan tahun (48) tahun, maksudnya daripada dua belas tahun (12) tahun hingga empat puluh lapan (48) tahun saya melibatkan diri dalam silat.

**FFAS: Ceritakan sedikit tentang kenangan pahit dan manis sepanjang di dalam penglibatan seni silat ini.**

JBK: Ok. Kalau nak kata aa..(berfikir) manis aaa... dalam seni silat ini, sebagai seorang jurulatih ataupun penggiat seni, kita akan merasa benda tu [itu] indah bagi kita apabila anak murid kita akan membawa kejayaan kepada kita. Dan kalau yang pahit itu, aaa... satu kegagalan apabila anak murid kita aa.. persembahkan kita aaa...tidak dapat aaa.. tempat yang seperti mana yang kita nak. Dari segi pahit, macam contoh kalau [kalau] dari segi...(berfikir) kita kekadang [kadang-kadang] kita dah didik anak murid kita sampai satu tahap anak murid kita tak boleh pergi, itu rasanya macam satu aa.. kegagalan bagi seorang aaa... cikgu ataupun jurulatih.

**FFAS: Apakah keistimewaan sukan ini dengan sukan-sukan yang lain?**

JBK: Ok. Bila kita tengok sukan mempertahankan diri ini, seperti saya cakap wajadiri berbentuk mempertahankan diri judo, karete, tekwando dan berbagai, silat ini apabila kita sebut silat, ia lebih kepada budaya melayu jadi bila sebut je silat ehem [batuk] tari silat ini penuh rahsia dan makna aa.. jadi, kelebihan silat itu, pertama dia adalah budaya kita, budaya melayu itu sendiri, kedua, dia boleh mendekatkan kita kepada ajaran islam, dan yang penting sekali dia mengajar kita merendah diri dimana saja [sahaja] kita berada.

**FFAS: Biasanya golongan manakah yang lebih meminati di dalam bidang seni silat ini?**

JBK: Ok. Dari segi bidang aaa... golongan kita bermula daripada... saya tengok [lihat] sekarang aa... sekolah-sekolah bermula daripada awal dan hinggalah ke peringkat sekolah rendah, menengah dan sekarang di pengajian tinggi seni silat ini telah mula diperkembangkan. Jadi boleh saya rangkumkan bahawa seni silat ini boleh kita pengaruhi melalui anak-anak muda.

**FFAS: Apakah yang mereka perlu mereka fokuskan untuk meneruskan bidang seni silat ini?**

JBK: Ok. Pertama dia nak, kalau sorang [seorang] tu [itu] nak Berjaya dalam bidang seni silat, yang perlu dia nak focus dalam jiwa dia yang pertama jatidiri. Jatidiri merupakan satu asas dalam bentuk yang perlu ada bila kita nak silat kerana jatidiri mendidik kita mengenal erti seni silat itu sendiri.

**FFAS: Siapakah pengasas yang menceburi di dalam bidang ini?**

JBK: Ok, dari pengasas yang saya cakap tadi, pengasas ini...aaa... yang tentang silat sayalah, silat saya maksud dia pengasas dia adalah mereka-mereka orang lama yang masih aktif, dialah pengasas. Dan kalau kita kata seni silat ini, kalau kita kata pengasas tu [itu], seni silat ini datang daripada aa... kalau ikut aa..sejarah dulu datang daripada permainan dalam istana. Jadi silat-silat ini, bentuk-bentuk silat ini perguruan-perguruan silat ini diasas di bawa darpdia istana, permainan istana, dan hingga sampai sekarang seni silat ini dibawa daripada istana ke kampung-kampung, begitulah sampai sekarang ianya terjadi.

**FFAS: Berdasarkan pengetahuan encik, biasanya berapa peratuskah bilangan kaum yang berminat untuk menceburi di dalam bidang seni silat ini.**

JBK: Ok. Dalam seni silat ini, ehem [batuk] kita nak amik [ambil] peratus, aaa... (berfikir) saya boleh beranggapan ratus orang yang aaaa.... Berminat dengan silat ini kalau kita longgokkan dalam dua puluh (20) orang, tak [tidak] semestinya semuanya boleh. Jadi peratus orang yang berminat dengan seni silat ini, jauh. Kalau kita longgokkan dalam seratus(100) orang yang boleh main yang berminat dalam seni silat ini, empat puluh (40) orang sahaja. Yang enam puluh (60) orang tu [itu], dia tak [tidak] menjiwai sebab silat ni [ini] datang dari dalam. Jiwa dia tu [itu] didikan silat tu [itu] datang dari dalam. Maka, golongan ini, peratus inilah yang membuatkan seni silat ini kekal ataupun tak kekal.

**FFAS: Apakah sumbangan encik terhadap masyarakat di dalam silat seni mempertahankan diri ini?**

JBK: Ok. Jadi, aa.. daripada sumbangan, pertama saya memang aa.. bukak gelanggang di tempat saya. Pertama saya hampir empat (4) kali telah khatamkan aaa... penduduk-penduduk kampung contoh anak-anak muda dari seusia tadika hinggalah ke tingkatan lima (5) saya melibatkan dia orang [mereka]



dalam bidang silat golongan inilah maksud dia, dan selebihnya ada setengah-setengah sekolah yang minta saya coba [cuba] aa.. ajar gerak silat di peringkat-peringkat itu, itulah aa.. tahap yang saya ceburi sampai... yang saya jalankan untuk silat.

**FFAS: Bagaimanakah encik melihat bakat atau hubung kait diri encik di dalam seni silat mempertahankan diri ini**

JBK: Ok. Hubung kait antara silat dengan diri saya, ok. Pertama kalau dulu... kita rasa kita...jatidiri tu [itu] kurang, balik kepada jati diri, apabila kita mempelajari seni silat itu, kita kata jati diri kita ada... kita lebih keterampilan berani, kita boleh bertemu dengan orang ramai, kita rasa kita.. rendah..sikap rendah diri tu [itu] wujud dalam diri kita bila kita mempelajari seni silat.

**FFAS: Dimanakah encik melatih pelajar-pelajar atau anak didik encik di dalam sukan silat ini.**

JBK: Aa.. ok. Aa.. kalau di kampung, biasa kalau dululah hingga sekarang pun budaya silat dikampung kita ajar gelanggang yang kita pilih kawasan-kawasan yang tertentu contoh di kampung saya sendiri kampung Paya Lebar, gelanggang yang saya ada tiga aa.. dalam kawasan kampung dan diluar kawasan aaa... pihak UITM sendiri cawangan Johor aa.. juga ada panggil saya untuk mengajar disana salah satu gelanggang juga di UITM aa.. Johorlah..Segamat.

**FFAS: Siapakah yang memberi encik peluang untuk melatih pelajar-pelajar yang meminati di dalam bidang silat ini?**

JBK: Ok. Yang memberi peluang saya mengajar seni silat ini, yang pertama apabila kita aktif, dalam mendidik anak-anak muda, didik anak-anak bangsa melayu kita akan di pandang oleh pihak kementerian contoh diperingkat daerah,



## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

Belia dan Sukan warisan daripada pejabat-pejabat daerah. Bila dia Nampak kita ada gerakan aa..silat ini dia akan tawarkan kita mengajar sesuatu tempat aa.. memperkembangkan seni budaya itu termasuk saya sendiri aa..di UITM, rakan seperguruan, wasit juri di peringkat negeri Johor yang menawarkan saya untuk mengajar pelajar-pelajar di UITM dalam silat olahraga.

### **NNMD: Sejak bilakah encik menjadi pelatih seni silat mempertahankan diri ini?**

JBK: Ok. Saya aa.. jadi jurulatih ok, yang saya...terus kepada berani sebagai jurulatih silat, saya rasa dalam ooo... dua puluh tahun (20) yang lepas rasanya tahun sembilan belas sembilan puluh lima (1995) saya melibatkan terus diri saya dalam pengadil wasit dan juri dan juga bidang silat olahraga.

### **NNMD: Dari manakah encik membelajari seni mempertahankan diri?**

JBK: Ok.. aa.... Saya belajar ialah yang pertama datang dari diri sendiri lepastu [lepas itu] apabila..... kalau dulu, ehem [batuk] kita...ialah zaman zaman zaman saya dulu, benda-benda macam telefon, internet ni [ini] takde [tidak ada]. Jadi, apabila kita... itulah arah tuju kita, tengok [lihat] ada je [sahaja] orang belajar silat, kita pergi belajar. Jadi, hubung kait itu memang penting. Dulu takde [tidak ada] pengaruh dengan aaa... ialah...dengan telefon.. bimbit. Jadi, bila kita habis je [sahaja] mengaji,aa....yang penting, tu [itu] sebab saya kata, bila habis je [sahaja] mengaji, dah ngaji [mengaji] kita kan terus belajo [belajar] silat daripada sebelah surau, di situlah gelanggang-gelanggang yang dulu kala aaa... tempat kita bersilat. Habis mengaji kita akan turun untuk belajar silat.

### **NNMD: Siapakah nama guru pertama yang mengajar encik di dalam bidang silat ini?**

JBK: Ok.aaa... Silat saya ini banyak berbentuk silat pergerakan jawa, yang pertama saya rasa Allahyarham Tugiran bin dia saya lupa, yang kedua saya terus menyambung pelajaran juga kepada silat cimande juga Encik Tusiran Bin Parman dan yang ketiga saya belajar dengan perguruan cekak sunting bersama dengan aaa... Encik Sarmin Bin Parman.aaa... Ini adalah guru saya yang akhir dan masih ada dalam kampung paya lebar ini.

**NNMD: Bilakah encik tamat mempelajari bidang silat ini?**

JBK: Ok. Kalau nak kata tamat saa...seseorang tu [itu] yang belajar silat dia takde [tidak ada] tamat. Ok. Aaa... ok, yang dia kata tamat itu apabila kita ajar dalam usia aaa dalam jangka masa lapan (8) bulan khatam, apabila dah khatam tu [itu] maksud dia dah tamat, aa.. lapan (8) ataupun dua belas (12) bulan dia tamat, maksud dia dia tamatlah khatam tu [itu] dia dah habis pergerakan dia silat yang dia belajar. Tapi bagi diri saya, saya takkan [tidak akan] berhenti, saya akan terus belajar dan mengajar, saya sambil saya mengajar dan saya belajar. Jadi benda tu [itu] takkan [tidak akan] tamat. Aa.. itu namanya seni yang ada dalam diri pesilat ataupun pengajar-pengajar aaa... ilmu persilatan.

**NNMD: Aaa... ok. Di dalam bidang silat ini, aa.. adakah rahsia-rahsia tersirat di dalam mempelajari bidang silat ini?**

JBK: Ok. Itu yang saya cakap, antara aaa ilmu pertahankan diri, silat ni [ini] Nampak macam satu gerakan yang lambat, satu pergerakan bentuk tarian, tapi sebenarnya setiap gerak yang kita atur, setiap langkah yang kita atur dan setiap tari yang kita bukak [buka] melalui tangan, bahu, kaki dan juga memekkan muka itu adalah rahsia.Rahsia pergerakan silat. Sebab apa, silat ni [ini] berbeza dengan aaa... ilmu-ilmu aaa... mempertahankan diri yang lain. Sebab silat ini walaupun nampak dia macam lembut, sebuah tarian tapi dia punya aa... ilmu dalaman yang ber..aa.. banyak. Yang yang kita tak nampak. Aaa..

**NNMD: Aaa..Bolehkah encik menceritakan sedikit tentang pergerakan-pergerakan yang biasa dilakukan di dalam seni mempertahankan diri ini.**

JBK: Ok. Pergerakan kita mudah. (bunyi motosikal) aaa... ok. ehem.[batuk] Pergerakan silat ni [ini] (bunyi cengkerik). Ok semua jenis silat adalah satu rumpun, silat ini datang daripada rumpun yang satu. Ok. Gerak silat yang aa.. awak tanya tadi, aa.. maksud dia, kepada soalan tadi tadi ditanya ? aaa... pergerakan??

**NNMD: Aaa.. pergerakan ataupun *step*lah [pergerakan]...**

JBK: Ok. *Step* [pergerakan] dia.. *Step* [pergerakan] dia ni [ini] silat ni [silat] ada yang dia bermula dari jurus ok. Jurus.. Jurus satu (1), jurus dua (2) hingga ada yang dua belas (12) jurus. Selepas tu [itu] pecahan, pecahan satu (1), pecahan dua (2), hingga pecahan dua belas (12). Selepas tu [itu], aaa... dia akan di ajar pula dengan buah-buah rahsia ataupun ada setengah kata buah-buah rahsia, ada kata setengah buah pukul. Jadi inilah *Step-step* [pergerakan-pergerakan] yang ada dalam pergerakan silat.

**NNMD: Bolehkan encik terangkan sedikit tentang *step-step* [pergerakan-pergerakan] yang.....**

**FFAS: Daripada jurus satu hingga yang terakhir.**

JBK: Ok. Yang pertama jurus satu, contoh jurus satu ini pergerakan tangan, pergerakan tangan dia menumbuk ke depan, gengaman tangan, gerakkan kaki kuda-kuda dia, ok. Kalau kaki dalam silat kita panggil dia kuda-kuda. Kekuatan kuda-kuda dia dari segi tangan aa.. tumbukan tangan dia.. Dari segi bahu, pergerakan bahu dia lebih cepat ataupun lebih lambat dalam mengatur gerak langkah. Itu jurus, kalau pecahan pulak [pula] dia bermula dengan aaa... pecahan satu (1), pecahan dua (2), hingga pecahan dua belas (12). Pecahan ni [ini], pecahan-pecahan yang ada dalam silat ini aa.. merupakan.. dia tidak sama pecahan satu (1) dengan pecahan dua (2). Dia macam A dia akan sambung B. Pergerakan ini berangkai hingga ke pecahan dua belas (12).

**NNMD: Di dalam seni mempertahankan diri ini, biasanya terdapat tahap-tahap pencapaian seseorang itu di dalam kemahiran yang mereka mempelajari dalam sukan silat ini. Bolehkan encik terangkan sedikit tentang tahap-tahap yang ada di dalam aaa.. sukan seni silat mempertahankan diri ini mengikut kemahiran yang dipelajari oleh seseorang itu.**

JBK: Ok. Di dalam aa.. sesuatu aa.. perguruan, dia ada yang mula-mula dia akan ajar pergerakan tangan kosong, maksud dia...kita akan bertemu lawan kita tidak bersenjata. Okey, kedua, kita pula akan diajar dengan cara bersenjata. Senjata-senjata mengikut perguruan masing-masing. Keris, parang, tembung, teper dan berbagai-bagai. Ok. Apabila mereka... tak semua aaa... atau tak semua yang membelajar [belajar] pergerakan silat ini, boleh.. kalau kalau dia boleh aaa... mempengaruhi pergerakan tu cepat pantas, kira dia ok. Tapi da setengah dia pandai langkah tanpa senjata da nada yang setengah dia bergerak menggunakan senjata lebih tangkas. Jadi, ikut tahap pembawa masing-masing. Bagi diri saya, saya lebih suka aaa... pergerakan tangan kosong. Sebab, senjata ni [ini] walaupun saya ada belajar tapi saya lebih minat kepada persembahan dan pergerakan tangan kosong ataupun tempuh tanpa senjata.

**NNMD: Aaa.. adakah aa.. setiap tahap bagi seseorang yang mahir dalam bidang silat ini, adalah *level* [tahap] aa.. sekiranya mereka, contoh macam karate kita ada tali pinggang merah...**

JBK: Haa... ya... ya... Ok. Dari, ok. Dari segi ilmu pergerakan silat ini, ehem. [batuk] ikut perguruan. Macam aaa... ilmu mempertahankan diri lain, dia ada tali pinggang kuning, hijau, hitam... Tapi bagi silat, kami ini, dia... aaa... bermula dengan, kita bagi semua sama *rank* [pencapaian] . Maksudnya kalau dua puluh orang (20) yang kita belajar, kita akan ajar semua tetap dua puluh orang (20). Yang membezakan dia kemahiran, bukan tali pinggang dia. Itu sebab aayaaa... boleh tengok ada perguruan dia kekal dengan tali pinggang dia. Ada perguruan dia dengan warna kuning dia. Ada perguruan dengan warna putih dia... Ada perguruan dengan warna hijau dia. Kerana aa... silat ini berbeza dengan karate, naik tahap warna hijau, naik tahap warna coklat ikut, tapi silat *just* [cuma] langkah satu (1) sampai langkah dua belas (12) semua akan rasa benda yang sama. Yang membezakan dia, tahap dia, diri dia sendiri untuk menjalankan gerak silat itu sendiri.

**NNMD: Ok. Apakah tanggungjawab yang encik perlu pegang terhadap anak-anak didik encik?**

JBK: Ok, tanggungjawab yang pertama ialah kembali saya yang kepada peringkat awal, silat ini melibatkan kita mendidik kita kepada anak didikan kita, mendekati diri kita kepada ajaran agama kita ialah Islam. Silat ni [ini] bukan tak [tidak] belajar silat itu kita aaa... maksudnya bila kita belajar silat tu [itu] seiring dengan didikan agama kita, kerana benda ini, seiring itu sebab saya perlu tekankan pada pelajar-pelajar anak didikan saya ataupun anak murid saya, silat, gerak dia seiring dengan agama.

(Bunyi cengkerik)

**NNMD: Golongan manakah yang perlu dititikberatkan untuk mencuri di dalam bidang silat mempertahankan diri ini?**

JBK: Ok. Kita kalau nak kita daripada golongan kita kalau nak didik pesilat tu [itu] menjadi yang terbaik, kita kena [perlu] ajar daripada usia-usia yang aa.. semuda mungkin, contoh kita bermula daripada tadika, peringkat demi peringkat. Tapi ada sesetengah juga yang nak belajar dengan saya berusia empat puluh (40), tujuh puluh lima (75). Kera usia seusia tu [itu] dia... nak buat pergerakan tu [itu] sudah tak [tidak] selembut yang mana kita hendak. Jadi gerak dia tari dia tak secantik, tapi boleh tapi ambil masa. Tapi apa yang disarankan seeloknya seusia muda.

**NNMD: Kenapa pentingnya wanita perlu ada kemahiran mempertahankan diri ini di dalam hidup mereka?**

JBK: Ok. Dari segi wanita, ok eh.. aaa... silat ni [ini] ialah kalau dulu kita tengok..dengar cerita-cerita lama eh.. kita lihat aa... wanita ni [ini] pun aa... sedikit sebanyak menyumbang kepada aaa... dalam ilmu persilatan ehem [batuk]. Jadi, kalau awak tanya kenapa wanita perlu bersilat, perlu belajar bersilat, sebab silat ini bukan.. Bila seorang wanita belajar, pertam dia akan gunakan untuk diri dia, paling tidak dia tahu aaa... gerak silat dan sekurang-kurangnya dapat menyelamatkan diri dia sendiri.aaa...

**NNMD: Adakah cara pergerakan bagi wanita dan lelaki berbeza di dalam mempelajari sukan silat ini?**

JBK: Ok dari segi silat, itu dia saya cakap, dari segi silat aaa...perbezaan ini tak [tidak] ada. Kalau seorang jurulatih atau seorang guru tu [itu] dia akan ajar baik sama ada, aaa... anak murid dia lelaki kea tau perempuan ke pergerakan tu

[itu] tetap sama. Tak [tidak] ad beza yang perempuan dengan yang lelaki sebasilat itu sekali arung. Lelaki dan perempuan langkah yg sama.

**NNMD: Adakah sukan ini akan memudaratkan kaum wanita?**

JBK: Ok. Dari segi mudarat tak [tidak] mudarat, bukan silat sahaja yang boleh memudaratkan, apabila kita pandai meletakkan gerak badan tari silat itu sendiri dia tidak memudaratkan aa.. pada wanita kerana kalau seorang jurulatih atau guru itu, dia akan ajar anak murid perempuan dia berpasangan dengan perempuan, yang lelaki dengan yang lelaki. Jadi, dari segi mudarat tu [itu] rasa saya *percent* [peratus] dia jauhlah kecuali memang dia tu [itu] dah ada penyakit aaa... Itu yang mudaratkan dia. Tapi, rasa saya tak [tidak] ada mudarat bagi seorang wanita untuk mempelajari ilmu silat ini.

**NNMD : Apakah kebaikan yang kita dapat sekiranya kita menceburi di dalam bidang silat ini?**

JBK: Ok. Sebut saje [sahaja] silat, kita akan bangga dengan budaya. Tu [itu] sebab saye [saya] cakap, silat takkan [tidak akan] lari daripada budaya itu sendiri. Sebut je [sahaja] pasal [fasal] silat, budaya Melayu. Sebut sahaj silat, budaya orang kite [kita] kerana silat adalah budaya orang Melayu dan perlu kita kekalkan.

**NNMD : Di dalam sukan silat ini, adakah alatan-alatan seperti keris diperlukan bagi pelengkap di dalam melakukan seni mempertahankan diri?**

JBK: Ok. Dalam siaa.....silat seperti mana yang saya cakap, setiap perguruan tu [itu] mempunyai aaa.... Pergerakkan senjata yang berbeza dan pergerakkan



## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

eeee....senjata berbeza dan senjata yang digunakan berbeza. Seperti mana yang awak Tanya tadi keris aaa... Apabila sebut sahaja keris semua orang akan tahu keris silat. Sebenarnya aaa... selain daripada keris, kita juga banyak sensenjata [senjata-senjata] dan senjata-senjata ini aaa... perlu ada juga dalam pergerakan silat. Jadi....bukan senjata tu [itu] keris sahaja, parang, tembung, rotan,aaa.... Dan berbagai-bagai hinggakan satu ketika sabit, itu juga salah satu senjata. Jadi, senjata tu [itu] terletak pada perguruan masing-masing yang belajar.

**NNMD : Tanpa memerlukan sebarang alatan untuk mempertahankan diri, adakah ianya cukup untuk menewaskan pihak musuh dengan menggunakan pergerakan dan langkah di dalam silat itu sahaja?**

JBK: Ok. Kalau kita bertembung dengan lawan ataupun musuh kita, musuh kita bersenjata, paling tidak pon [pun] senjata sekarang digunakan kayu. Kita tidak bersenjata. Tapi dalam pergerakan silat, tanah yang kita pijak itu, boleh juga menjadi senjata kita kerana pergerakan kita dengan gerak kaki kita, kita boleh ambik [ambil] pasir atau semasa kita mendedahkan diri, kita boleh ambik [ambil] pasir atau tanah yang kita pegang untuk menggunakan dia sebagai senjata, contoh bila dia serang kita bersenjata, kita akan merendahkan diri kita sambil kita menyapu pasir yang ada ataupun tanah yang ada kita akan renjis kepada pergerakan.. ke muka dia. Jadi musuh bersenjata ataupun kita bersenjata bukan alasan yang kita tidak boleh lawan dia.

**NNMD : Ok. Aaa...Bolehkah encik menerangkan sedikit tentang pergerakan yang paling penting yang perlu ada bagi setiap langkah di dalam silat itu.**

JBK: Ok. Dalam seni silat kita punya rahsia yang pertama yang perlu kita tekankan pada yang nak belajar silat dan yang sedang belajar silat dan ataupun yang sedang dah habis pon [pun] belajar silat. Yang penting kunci. Maksud dia



## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

kunci ni [ini] musuh lawan dengan aa..bertembung dengan kita, kita boleh kunci dia hingga dia tak boleh bukak kunci kita. Yang pertama. Yang kedua, pergerakkan kita dgn musuh siapa yang paling cepat. Kalau musuh lebih cepat daripada kita, kita kena jaga dan kalau kita boleh lebih kita boleh lagu cepat daripada musuh.

(bunyi motorsikal)

**NNMD : Terdapat banyak jenis seni mempertahankan diri seperti silat. Bolehkan encik memberitahu kami nama-nama silat yang biasanya digunakan oleh masyarakat melayu di Malaysia?**

JBK: Ok. Dalam ketuaaaa...aaaa.silat ini sebenarnya daripada satu rumpun yang satu. Ianya banyak yang bersal dari Indonesia dan juga dibawa ke semenanjung Tanah Melayu aaa... di istana-istana. Apabila silat-silat ini diperkembangkan di istana, oleh hulu balang-hulu balang contoh cerita-cerita yang kita dengar seperti Hang Tuah, bersama dengan pergerakkan dia. Silat yang kita dengar sekarang ehmm. [batuk] boleh saya beranggapan ataupun saya rasa berates perguruan yang ada. Contoh yang kita kenal lah eh, yang biasa di peringkat kebangsaan gayung Malaysia lah. Gayung Malaysia, Gayung Pattani. Sendeng, Cekak Nafi dan beberapa lagi. Ini adalah persatuan silat atau perguruan silat yang terkenal. Disebalik itu kita juga ada perguruan-perguruan yang aa... duduk dikampung contohnya pergerakkan cimande pergerakkan aaa...(berfikir) apeni [apa ini] harimau berantai. Ini adalah perguruan-perguruan ataupun gerak silat gerak silat yang aa.. sekitar kawasan kampung yang aktif. Aaa... Jadi yang saya sebut tadi perguruan-perguruan memang dia dah terkenal di peringkat Kebangsaan, mungkin juga di peringkat dunia. Tapi... kebanyakan silat ni [ini] yang di kampung-kampung nilah [ini lah], pakcik-pakcik, yang mengajar silat dia tu berbentuk pergerakkan silat tetap tidak terkenal macam silat-silat yang saya sebutkan tadi.

**NNMD: Apakah jenis silat yang encik mahir dan pelajari sekarang?**

JBK: Ok. Saya banyak kepada... cimande sunting, cimande mega, pergerakan silat saya lebih kepada... pergerakan silat ala jawa dan... berbentuk jawa ni [ini] dia...banyak kepada Indonesia lah.Apabila dia, silat jawa ni [ini], pun ada beza dengan... Tapi saya banyak pergerakan silat jawalah...

**NNMD: aaa...Selain daripada jenis-jenis silat, bolehkan encik memberitahu kami aa... sedikit contoh nama pergerakan yang ada di dalam silat ini?**

JBK: Ok. Kalau aaa... saya sebut tadi aaa....silat die [dia] ehem.[batuk] ada setengah silat dia menggunakan nama-nama binatang, contoh aa.. cikalong helang putih, ok. Salah satu aa.. rakan seperjuangan saye [saya] yang berada diiii [di] daerah Segamat. Cikalong helang putih pergerakan dia aa.. banyak kepada bentuk burung. Seekor burung cikalong helang putih. Jadi bila kita sebut helang pergerakan dia berbentuk burung. Ok, ada setengah harimau berantai rakan saya di Muar.Pergerakan dia pon [pun] nama pun harimau berantai, maksud pergerakan dia berbentuk harimau. Ok. Ada yang berbentuk aaa... silat jawa ala jawe [jawe] ni [ini] berbentuk macam kuda kepang.aaa... dia berbentuk kuda kepang dan juga silat-silat yang macam gayung aa.. setahu saya gayung banyak menggunakan nama bunga, bunga tanjung. Jadi, itulah pergerakan-pergerakan dalam silat. Tapi, mengikut aaa... nama yang kita guna pakai.

**NNMD: aaa...ok. Dengan adanya kemahiran silat ini, adakah ia dapat membantu kaum wanita terutamanya untuk menempuh dugaan yang mendatang di luar sana?**

JBK: Ok. Kalau nak [hendak] ikut dugaan ni [ini], bukan sahaja wanita, aa.. kaum lelaki pon [pun] jugak [juga] ada dugaan. Tapi paling tidak bila wanita tu [itu], dia belajar bersilat untuk menempuh diluar rasa saya silat ini bukan di peringkat kampung, kalau perempuan, seorang wanita tulah [itulah] hingga ke peringkat

dunianya pon [pun] sekarang kita dah tengok [tengok] aa.. wanita dah boleh aaa... bergerak dalam me aaa... menaikkan nama-nama diri sendiri keluar dan juga hinggakan Negara tentang pergerakan silat. Jadi wanita rasa saya tak [tidak] ada... berkecuali diluar sana apabila belajar silat untuk diri dia sendiri.

**NNMD: Hurm.. ok. Aaa....Apakah perkara yang penting aaa..yang perlu encik pelajari dari sukan silat ini untuk membentuk diri encik dari menjadi seorang yang lebih berdisiplin, berhati-hati dan sentiasa sedia menempuh pelbagai dugaan dan cabaran yang mendatang?**

JBK: Ok. Bila kita belajar silat ni [ini], kita rasa kita aaa... musuh sentiasa berada dikeliling kita. Aaa... sebenarnya tidak. Belajar silat itu, lebih kepada kita ramai kawan, kita ramai kawan,kitaa.. [kita] aaa... mudah berhati-hati dari segi pertuturan, dan juga tugas kita contoh aaa.. tugas harian kita. Jadi silat ini banyak mendidik kita, kehidupan seharian.

**NNMD: Hurm. Apakah pegangan yang encik pegang selama ini di dalam mengekalkan minat di dalam bidang seni mempertahankan diri ini?**

JBK: Ok. Untuk kekalkan aa.. budaya silat ini, sayaa.. [saya] aaa... kebanyakan saya berharaplah, kebanyakan diiii [di] majlis-majlis aa.. resmi [rasmi] silat ini diperketengahkan maka benda ini akan kekal hingga bila-bila.

**NNMD: Dimanakah enn..tempat encik selalu melakukan latihan silat ini?**

JBK: Ok. Pertam di kampung saya ada tiga (3) gelanggang, dua (2) gelanggang kami dah tutup tinggal satu (1) gelanggang sahaja. Dan yang kedua diii [di] diiii [di] UITM Segamat sendiri.

**NNMD: Ok. Dimanakah tempat yang paling sesuai untuk encik melatih pelajar-pelajar encik di dalam silat ini?**

JBK: Ok. Pertam kalau kita di kampung kita hanya gunakan kawasan lapang iaini [iaitu] di halaman rumah aaa... berlantaikan tanah kalau di UITM tu [itu] menggunakan *metres* [pengalas lembut] dia bentuk dia *metres* [pengalas lembut] tu lebih sesuai untuk aa...pergerakkan silat yang agak lasak sikit.

**NNMD: aaa...Apakah “step” kegemaran encik yang biasa encik lakukan untuk pergerakan yang paling encik gemari di dalam sukan silat ini?**

JBK: Ok. Silat yang aa...pergerakkan yang kita saya minat dalam tu [itu] aa.. dalam pergesilat [pergerakkan silat] iaitu persembahan tempuh tanpa senjata. Aaa itu say minat sebab Nampak lebih seni dan pergerakan silat itu Nampak lebih jelas.

**NNMD: Aaa.. Adakah encik menggunakan kelebihan yang ada dalam diri encik dalam seni mempertahankan diri ini semasa encik berada di luar?**

JBK: Ok. Aaa... Saya gunakan untkkkk [untuk] silat ini dalam tugas harian saya kerana saya berhadapan dengan orang ramai jadiiii [jadi] pergerakan saya tu [itu] saya perlu berhati-hati.

**NNMD: aaa, apakah [apakah] resepi kejayaan encik selame [selama] encik berkecimpung di dalam bidang seni silat ini?**

JBK: okay, resepi eh atau kejayaan lah eh, kejayaan yang saye [saya] aaa dapat yang pertame [pertama] apabila [apabila] saye [saya] didik anak kampung, anak buah kampung, aaa satu apabila [apabila] dorang [dia orang] bersekolah, pihak sekolah telah menggunakan [menggunakan] anak-anak murid ini untuk membuat

persembahan dalam majlis-majlis sukan. Jadi pihak sekolah dapat menggunakan [menggunakan] aaa murid-murid ni [ini] sebagai persembahan di peringkat sekolah. Dan rase [rasa] saye [saya] satu kejayaan yang lepas apabila [apabila] pihak UiTM menghantar satu pasukan silat di bawah KARISMA saye [saya] rase [rasa] aaa KARISMA kan yang lepas di Lendu, silat olahraga [olahraga] telah membawa [membawa] balik untuk UiTM Johor eerrr emas satu (1), gangse [gangsa] satu (1), dan perak satu (1).

**NNMD: okay, aaa bagaimanakah [bagaimanakah] encik membahagikan mase [masa] dengan sukan silat ini dan kerjaye [kerjaya] encik sekarang?**

JBK: okay, apabila [apabila] kite [kita] dah minat, aghh memang minat satu dah lah dah sehati dengan diri. Aaa saye [saya] akan rutin saye [saya] lepas waku bekerja [bekerja], saye [saya] akan memulakan latihan selepas waktu isyak solat isyak, mule [mula] pukul sembilan (9) dan saye [saya] lebih kurang due (2) jam atau tige [tiga] (3) jam untuk latihan sebelah malam.

**NNMD: aaa, adekah [adakah] pengalaman turut menjadi guru di dalam mencapai sesuatu kejayaan?**

JBK: okay, dari segi pengalaman saye [saya], saye [saya] pernah membuat persembahan dan saye [saya] telah menjadi aaa ketue [ketua] di depan pergerakan dalam hari kebangsaan dalam peringkat aaa negeri Johor semase tu [masa itu] Segamat menjadi tuan rumah dan saye [saya] dilantik sebagai juri kemudi. Maksud die [maksudnya] pergerakan saye [saya] akan diikuti oleh pergerakan-pergerakan orang lain.

**NNMD: antare [antara] ker kerjaye [kerjaya] dan pengalaman encik di dalam sukan seni mempertahankan diri ini, yang manekah [manakah] lebih penting bagi encik?**

JBK: okay, kerjaye [kerjaya], kerjaye [kerjaya] saye [saya] ialah sebagai seorang anggote [anggota] anggote [anggota] penguatkuase [penguatkuasa] dan silat tu [itu] juge [juga] dalam anggote [anggota] unit beruniform, kite[kita] juge [juga] di didik dengan disiplin disiplin, dan disiplin itu juge [juga] di didik disuntik dengan pergerakan-pergerakan silat. Aaa maksudnye [maksudnya] bukan silat, maksudnye [maksudnya] mempertahankan diri, make [maka] saye [saya] bawak [bawa] pergerakan silat itu dalam kerje [kerja] saye [saya] kerjaye [kerjaya] saye [saya] aaa untuk mendidik kawan-kawan bahawe [bahawa] ilmu mempertahankan diri sebagai seorang anggote [anggota] unit penguatkuase [penguatkuasa] saye [saya] bawak [bawa] pergerakan silat.

**NNMD: apekah [apakah] cabaran utame [utama] encik di dalam melakukan bidang seni mempertahankan diri ini?**

JBK: okay, cabaran die [dia] kite [kita] bile [bila] kite [kita] nak mengajar, kadang-kadang pelajar datang dalam tige [tiga] puluh (30) orang, tapi dalam tempoh kite [kita] mengajar tu [itu] untuk khatam ambil mase [masa] dalam lapan (8) ataupun aaa sepuluh (10) bulan, kalau tige [tiga] puluh (30) orang [itu] cabaran die [dia] kadang-kadang lime [lima] belas (15) orang sahaje [sahaja] yang dapat menamatkan aaa ilmu persilatan itu. Itu cabaran die [dia]. Yang kedue [kedua] aaa cabaran die [dia] itu lah, dengan dugaan di sekeliling, masa [masa] dan waktu salah satu cabaran juge [juga].

**NNMD: okay, siapaakah [siapakah] tokoh seni silat di dalam Malaysia yang encik kagumi?**

JBK: okay, dari segi tokoh yang saye [saya] kagumi pergerakan diorang [mereka] aaa ramai. Dari segi tokoh silat ini kite [kita] saye [saya] paling minat tengok pergerakan pelakon-pelakon melayu kita ini yang melakonkan filem-filem melayu aaa purbe [purba] aaa Eman Manan. Dan saye [saya] cukup minat pergerakan die [dia]. Eman Manan aaa, lepas tu [selepas itu], yang Rozaidi aaa dan jage [juga] yang berlakon Tanah Kubur itu. Siapa [siapa] eh? Saye [saya] lupe [lupa] nama die [dia]. Aaa die [dia]. Aaa Nasir Bilal Khan. Ini pergerakan-pergerakan mereka sungguh cantik. Okay, kalau dari segi yang ini lah yang pergerakan mereka saye [saya] minat.

**NNMD: oh, mereke [mereka] pun aaa mempelajari bidang aaa seni silat ini?**

JBK: ah, diorang [mereka] pun belajar. Bile [bila] kite [kita] tengok pergerakan wayang-wayang purba ini, pergerakan die [dia] memang pergerakan silat.

**NNMD: okay, aaa mengapa encik aaa meminati dan mengkagumi tokoh tersebut?**

JBK: okay, pertame [pertama] saye [saya] minat pergerakan contoh macam pergerakan Eman Manan. Pergerakan die [dia] itu memang cantik, halus, seni, dan penuh dengan rahsie-rahsie [rahsia] silat itu sendiri.

**NNMD: apekah [apakah] kelebihan dan kelemahan yang ada pade [pada] diri encik?**

JBK: kelemahan saye [saya] dalam bidang silat ini ialah dengan usie [usia] kadang-kadang minat itu melebihi tenaga [tenaga] tak [tidak] mengizinkan. Itu salah satu minat. Aaa kelemahan saye [saya] dan kelemahan saye [saya]



## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

kadang-kadang saya cepat juge [juga] aaa orang kate [kata] naik angin lah. Aaa itu itu salah satu sikap kelemahan saye. Sebenarnya aaa naik angin itu sebagai seorang jurulatih tak [tidak] perlu ade [ada] tapi kadang-kadang itu kelemahan manusié [manusia].

**NNMD: adekah [adakah] kelebihan diri encik menyumbang di dalam bidang yang encik ceburi ini?**

JBK: kelebihan, kelebihan die [dia] bile [bila] saye [saya] cakap aaa bila saye [saya] mengajar anak murid, bile [bila] saye [saya] ajar anak bangse [bangsa] melayu saye [saya] dapat nampak mereke [mereka] ini belajar dan berjaye [berjaya] dalam bidang yang mereke [mereka] ceburi ini. Contohnya ade [ada] yang jadi polis, lepastu [selepas itu] ade [ada] yang berjaye [berjaya] lah daripada [daripada] didikan silat kerane [kerana] silat mendidik mereke [mereka] jati diri.

**NNMD: aaa menga boleh terang sikit [sedikit] mengape [mengapa]?**

JBK: mengape [mengapa]? contoh die [contohnya] macam mane [mana]?

**NNMD: aaa mengape [mengapa] kelebihan diri yang ade [ada] pada diri encik ini menyumbang di dalam bidang yang encik ceburi ini?**

JBK: okay, mungkin aaa kelebihan pade [pada] diri saye [saya]. Aaa kelebihan pada diri saye [saya] aaa itu lah mungkin saye [saya] ini satu kelebihan die [kelebihannya] mewarisi, kedue [kedua] gerak aaa ape ini aaa penglibatan saye [saya] dalam kampung ini. Contoh saye [saya] aaa banyak diorang [mereka] banyak buat rujukan jadi aaa sedikit sebanyak itu lah yang membuat terpengilnya saye [saya] dalam ilmu persilatan ini.



**NNMD: aaa dari segi kelemahan diri encik, adakah [adakah] ia menyumbang di dalam bidang aaa silat ini?**

JBK: dari segi kelemahan, kelemahan ini memang setiap orang itu mesti ada [ada] kelebihan dan kelemahan. Kelemahan ini kadang-kadang boleh mendidik kite [kita] aa membuatkan diri kite [kita] aaa untuk terus aaa maju dan hindarkan kelemahan itu berkekalan. Kalau boleh kite [kita] kelemahan itu kite [kita] endahkan aje [saja].

**NNMD: bagaimanakah [bagaimanakah] care [cara] aaa encik untuk bangkit semula [semula] dari kegagalan yang pernah encik alami?**

JBK: okay, kalau dari segi kegagalan, untuk kite [kita] bangkit dari kegagalan, yang pertama [pertama] saye [saya] kene [kena] menambahbaik aaa pergerakan, care [cara] mengajar, waktu mengajar, penyampaian mengajar sekarang dengan aaa dengan aaa dengan peralatan moden yang ada [ada] sepatutnya kite [kita] kene [kena] rakam aaa sesuatu pertandingan itu aaa dari segi olahraga [olahraga] ke tempur ke, kite [kita] rakam dan kite [kita] tayangkan kepada [kepada] aaa anak-anak murid kite [kita] melihat di mana [mana] kegagalan itu dan kite [kita] perbaiki melalui alat-alat yang serba moden yang ada [ada] sekarang. Berbeza [berbeza] dengan yang dulu.

**FFAS: apakah yang encik lakukan untuk mengekalkan diri di dalam bidang seni mempertahankan diri ini?**

JBK: aaa contoh, apakah [apakah] yang encik aaa --- mengekalkan diri di dalam bidang ini – okay, untuk mengekalkan dalam aaa bidang seni ini, pertama [pertama] saye [saya] kene [kena] didik anak saye [saya] sendiri, pewaris saye [saya] sendiri untuk mengekalkan yang ayah die [dia] seorang cikgu silat dan

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

saye [saya] mintak die [dia] juge [juga] menjadi pewaris kepade [kepada] bidang silat.

**FFAS: apekah [apakah] yang encik lakukan untuk menarik minat masyarakat di dalam sukan silat ini?**

JBK: okay, pertame [pertama] kite [kita] nak tarik minat diorang [mereka], kite [kita] adekan [adakan] pertandingan. Pertandingan di peringkat kampung, lepastu [selepas itu] peringkat daerah dan peringkat negeri aaa untuk menarik minat. Dan kite [kita] juge [juga] selitkan unsur-unsur budaya melayu, unsur-unsur keagamaan, unsur-unsur ketangkasan untuk berhadapan dengan musuh apabila [apabila] terdesak.

**FFAS: Pade [pada] pendapat encik apekah [apakah] yang perlu diperbaiki di dalam mempertahankan seni silat ini kepade [kepada] orang ramai supaya [supaya] lebih ramai orang yang menceburi di dalam bidang ini?**

JBK: okay, kalau kite [kite] kate [kata] kite [kita] nak tarik minat aaa orang ramai terhadap aaa seni silat, yang pertame [pertama] pengamal-pengamal aaa silat ataupun perguruan-perguruan silat kena [kena] membuat sesuatu aktiviti di samping aaa pertandingan aaa perhimpunan. Di samping itu juge [juga], aaa NGO-NGO Melayu aaa perlu bersatu untuk bersame-sama [bersama] dalam aaa mer mertabatkan budaya seni silat ini. Di samping juge [juga] kerajaan sendiri perlu ambil tahu tentang aaa gelanggang-gelanggang, jurulatih-jurulatih, kebajikan gelanggang, keperluan yang perlu di ambil. Aaa itu adalah salah satu untuk care [cara] kite [kita] aaa mengekalkan seni silat itu sendiri.

**FFAS: dengan adanya [adanya] kemahiran ini, apekah [apakah] yang encik dapat buktikan kepade [kepada] masyarakat di luar sane [sana]?**

JBK: paling tidak dengan aaa gerak silat ini, pertame [pertama] yang mude [muda] dapat menghormati yang tue [tua]. Contoh, golongan mude [muda] akan tahu menghormati aaa yang tue [tua]. Dan yang ke, dan yang seterusnya [seterusnya], aaa kite [kita] dapat merapatkan hubungan antare [antara] yang mude [muda] dengan yang tue [tua] melalui pergerakan silat atau belajar silat, gege gejala social ini bekurangan kerane [kerana] gerak silat akan mendidik jati diri itu yang peringkat awal saye [saya] cakap. Saye [saya] aaa menguatkan jati diri dalam seni silat.

**FFAS: Apakah [apakah] yang perlu encik lakukan untuk menerapkan dan mengekalkan di dalam bidang ini supaya seni silat ini tidak akan dilupakan?**

JBK: okay, kalau kite [kita] tak [tidak] nak [hendak] orang lupekan [lupakan] aaa seni silat itu saye [saya] berharap aaa kepada ssss pihak-pihak yang tertentu, seni silat ini boleh dikekalkan dengan memperbanyakkan pertandingan. Dan yang penting sekali, ape-ape [apa-apa] majlis berbentuk resmi [rasmi] perlu diberi ruang dan peluang kepada [kepada] pengamal-pengamal, kepada [kepada] perguruan-perguruan untuk membuat persembahan. Kerane [kerana] dengan persembahan budaya seni silat ini orang ramai dapat lihat, dapat tahu dan kite [kita] sebagai pengamal, perguruan-perguruan ini berase [berasa] begitu dihargai dan dapat mengekalkan budaya silat itu.

**FFAS: Apakah [apakah] harapan encik kepade [kepada] bangse [bangsa] melayu di dalam mengekalkan sukan silat seperti ini supaya tidak akan dilupekan [dilupakan]?**

JBK: okay, kalau sebut sahaja melayu, saye [saya] lebih suke [suka] kepada [kepada] "takkan melayu hilang di dunia". Make [maka], kalau orang melayu itu sendiri tak [tidak] dapat mengekalkan, orang melayu itu tidak dapat aaa menjiwai, orang melayu itu sendiri itu tidak dapat mengekalkan silat, siapakah

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

golongan lagi yang dapat mengekalkan budaya melayu itu sendiri? Hanya orang melayu itu sahaja [sahaja] dapat mengekalkan budaye [budaya] silat itu.

**FFAS: Bolehkah sukan ini kekal dan sentiasa [sentiasa] digunakan untuk selamenye [selamanya]?**

JBK: okay, sukan ini sekarang sebenamye [sebenarnya] telah dikekalkan, di peringkat dunie [dunia] pon sudah ade [ada] silat international [kebangsaan]. Aaa rase [rasa] saye [saya] ia akan kekal dan perlu dikekalkan hingga bile-bile [bila-bila] dengan beberape [beberapa] penambahbaik dari segi sudut pertandingan, gerak tempur dan beberape [beberapa] syarat yang perlu kite [kita] ubahsuai supaya aaa masyarakat dunie [dunia] dapat tahu bahawa silat merupakan salah satu sukan yang perlu kite [kita] kekalkan yang penuh dengan ciri-ciri semangat kesukanan aaa dengan juge [juga] semangat setie [setia] kawan.

**FFAS: Adakah [adakah] encik berpuas hati di atas sumbangan yang telah encik sumbangkan selame [selama] ini di dalam sukan silat ini?**

JBK: okay, kalau nak [hendak] kate [kata] puas hati, setiap aaa pengamal-pengamal aa seni silat takkan [tidak akan] rase [rasa] puas hati dengan ape[apa] kejayaan yang ditempah, maka apabile [apabila] seseorang pengamal atau pengajar rase [rasa] diri dia dah [sudah] puas hati make [maka] terberhentinya silat, dari silat kite [kita] jangan ada perkataan puas hati, tapi kite [kita] akan terus mencuba untuk mengekalkan tanpa rase [rasa] cukup puas hati, berhenti setakat ini tidak ada, pengamal silat akan terus menghidupkan seni silat supaya silat terus akan dikekalkan. Tidak ade [ada] erti puas hati.

**FFAS: Selain daripada itu, adekh [adakah] sumbangan yang belum sempat encik sumbangkan di dalam seni silat mempertahankan diri ini?**

JBK: Dengan usie [usia] empat puluh lapan (48) tahun ini, rase [rasa] saye [saya] aaa masih ade [ada] kesempatan, kalau teenage [tenaga] denga usie [usia] seiring aaa insyaAllah saye [sya] rase [rasa] saye [saya] sempat mendidik anak bangse [bangsa] saye [saya] untuk mengharumkan name [nama] di peringkat sekolah, mahupun di pengajian tinggi, paling tidak pun di peringkat kampung untuk mename menaikkan name [nama] kampung dalam bidang seni silat.

**FFAS: Kenape [kenapa] kite [kita] perlu melatih golongan mude [muda] untuk menceburi sss bidang seni mempertahankan diri ini?**

JBK: itu kite [kita] berbalik kepada [kepada] pepatah melayu “melentur rebung” me me aaa “melentur buluh biar dari rebungnya”. Rase [rasa] saye [saya] soalan itu aaa penuh bermakne [bermakna] dan jawapn itu juge [juga] aaa rase [rasa] saye [saya] pepatah itu dah [sudah] kene [kena] dah [sudah]. Yang mude [muda] ini kite [kita] didik die [dia]. Apabile [apabila] usie [usia] dah [sudah] agak susah untuk kite [kita] meneruskan pergerakan itu aaa “melentur buluh biarlah dari rebungnya” itu ungkapan yang paling tepat untuk soalan tadi.

**FFAS: apakah pandang encik terhadap peranan generasi veteran pule [pula] dalam menceburi bidang ini?**

JBK: okay, kalau kite [kita] nak [hendak] kaji segi dari veteran ini ramai pengamal-pengamal aaa silat ini datangnye [datangnya] dan adanya daripada [daripada] veteran]. Kadang-kadang mereke [mereka] juge [juga] ingin melihat ruang dan peluang itu masih berterusan. Namun, aaa mereke [mereka] juge [juga] perlu kite [kita] ketengahkan dan mereke [mereka] juga ingin melihat gelanggang-gelanggang terus hidup aaa dengan adanya gelanggang-gelanggang di kampung mahupun di mana peringkat apabile [apabila] hidup aaa

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

maksud saye [saya] veteran-veteran ini sedikit sebanyak akan menyumbang dari segi pandangan dan juga pergerakan ilmu silat itu sendiri.

**FFAS: Apakah care [cara] yang perlu kite [kita] lakukan untuk mengekalkan minat dan hobi masyarakat di dalam bidang seni silat ini?**

JBK: kalau nak [hendak] mengekalkan di dalam bidang seni silat ini, kite [kita] bermule [bermula] dari peringkat awal aaa paling tidak pun di peringkat sekolah kite [kita] mule [mula] dengan tadika kite [kita] memperkenalkan aaa pergerakan silat mengikut usia, naik kepada [kepada] sekolah kebangsaan menengah dan pengajian tinggi hingga lah satu tahap yang bersesuaian dengan usienye [usianya], make [maka] kekallah benda ini.

**FFAS: Pade [pada] pandangan encik apekah [apakah] yang bakal terjadi di dalam warisan melayu seni mempertahankan diri seperti silat ini di mase [masa] akan datang?**

JBK: saye [saya] rase [rasa] dia aaa akan berterusan “takkan melayu hilang di dunia” aaa begitu juga pengamal-pengamal akan terus aaa meneruskan semangat dalam silat melalui pewaris-pewarisnya, setiap perguruan mempunyai pewaris daripade [darpada] perguruan akan wariskan kepada [kepada] anaknya, dan anaknya akan berterusan make [maka] silat tetap akan kekal hingga bile-bilenya [bila-bila] hinge [hingga] sampai aaa kite [kita] perlukan silat itu masih wujud lagi.

**FFAS: Adekah [adakah] silat mempertahankan diri ini masih akan digunakan pada masa akan datang?**

JBK: okay, aaa silat kite [kita] gunakan dalam bentuk mempertahankan diri satu, dalam bentuk budaye [budaya] satu, dalam bentuk persembahan satu, jadi rase

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

[rasa] saye [saya] silat itu boleh digunakan pade [pada] bile-bile [bila-bila] dan mengikut keadaan semase [semasa].

**FFAS: apekah [apakah] jase [jasa] yang encik pernah lakukan aaa di dalam kampung encik sendiri?**

JBK: okay, jase [jasa] yang saye [saya], bukan kate [kata] jase [jasa] lah sumbangan, jase [jasa] ini terlalu terlalu besar ertinya aaa saye [saya] rase [rasa] sumbangan saye [saya] kepada anak didik saya sehingga mereka berjaya ke pertandingan-pertandingan dan juga ada yang telah memenangnya. Disitu saya rasa telah berjasa kepada anak-anak didik saya di atas ilmu yang saya curahkan kepada mereka.

**NNMD: Apekah jase [jasa] yang encik pernah lakukan di dalam kampung encik sendiri?**

JBK: okay kalau mengikut jase [jasa] rase [rasa] saye [saya] itu kepada jase [jasa] lah. Pada peringkat kampung ini paling tidak saye [saya] telah memperkenalkan silat kepada anak bangse [bangsa], anak mude [muda] kampung, saye [saya] merase [merasa] bangga dengan sumbangan saye [saya] dapat saye [saya] kekalkan silat. Susah bagi sebuah kampung untuk aaa mewujudkan satu gelanggang dengan keadaan anak mude [muda] yang aaa dipenuhi dengan pelbagai bagai pengaruh dari segi zaman sekarang. Jadi saye [saya] rase [rasa] bukan jase [jasa], sumbangan kepada [kepada] anak bangse [bangsa] saye [saya] dapat mewujudkan dapat mengajar anak bangse [bangsa] tentang silat iu sendiri.

**FFAS: aaa pade [pada] pendapat encik mengapekah [mengapakah] sejak akhir-akhir ini seni silat tradisional kurang digemari oleh masyarakat?**



JBK: okay, sebenarnya bukan kite [kita] kate [kata] tidak digemari bukan tidak di aaa sukai kerane [kerana] aaa pengamal-pengamal seni silat ini, tidak diberi peluang dan ruang untuk membuat persermbahan kerane [kerana] mereka di luar san [sana] mahu melihat aaa ape [apa] itu silat. Jadi tidak diberi ruang dan peluang. Aaa kalau diberi ruang dan peluang untuk pengamal-pengamal aa silat ini membuat persembahan make [maka] rase [rasa] saye [saya] benda ini akan kekal hingge [hingga] bile-bile [bila-bila] dan orang pun takde [tiada] tanye [tanya] jangan hanye [hanya] pandai sebut silat tapi tak [tidak] tahu tak [tidak] Nampak budaya [budaya] silat dan langkah silat itu sendiri.

**NNMD: Apakah [apakah] perbezaan seni silat ini dnga seni mempertahankan diri yang lain seperti---?**

(encik jaini mencelah tanpa penulis habis menanyakan soalan)

JBK: okay, saye [saya] faham. Kalau kite [kita] sebut aaa budaya [budaya] waje [waja] diri dengan eh ilmu mempertahankan diri mendidik kite [kita] aaa lebih berdisiplin jati diri tapi [tetapi] silat ini mempunyai perbezaannya iaini [iaitu] kite [kita] lebih mendekati atau merendah diri paling tidak kite [kita] dapat mengetahui asal-usul bangse [bangsa] kite [kita] warisan kite [kita] paling penting kite [kita] dapat damping silat kerane [kerana] silat lebih merapatkan kite [kita] dengan amalan ibadah kite [kita].

**NNMD: bolehkan encik ceritakan [ceitakan] keistimewaan yang ade [ade] pade [pada] diri encik yang boleh dijadikan contoh kepada masyarakat?**

JBK: okay, keistimewaan rase [rasa] saye [saya] ialah setiap orang ade [ada] keistimewaan keistimewaan yang ade [ada] pade [pada] diri saye [saya] aaa dalam bidang silat ini aaa bile [bila] orang hmm ialah jangan kite [kita] anggap keistimewaan silat ini memang dia banyak istimewa. Istimewanye [istimewanya]



## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

saye [saya] dalam bidang silat ini saye [saya] ramai kawan aa dan saye [saya] ramai aaa kawan kenalan melalui perguruan-perguruan aaa lain.

**NNMD: aaa kepada [kepada] masyarakat yang ingin mempelajari seni silat ini aaa dengan encik adekah [adakah] encik akan mengenakan sebarang bayaran?**

JBK: okay, aaa saye [saya] semenjak lah saye [saye] mengajar saye [saya] tidak mengenakan ape-ape [apa-apa] bayaran kerane [kerana] ini adalah ilmu hak iaini [iaitu] ilmu warisan. Aaa saye [saya] cakap ini tidak mengenakan ape-ape [apa-apa] bayaran kerane [kerana] ini adalah ilmu hak, ilmu warisan budaye [budaya] kite [kita]. Kite [kita] tidak perlulah rase [rasa] saye [saya] pade [pada] diri saye [saya] tidak perlu kite [kita] mengenakan ape-ape- [apa-apa] yuran atau bayaran dalam untuk mengajar ilmu aaa silat.

**NNMD: selain daripade [daripada] mengajar di sekolah-sekolah, universii dan di kampung encik sendiri adekah [adakah] encik mengembangkan ilmu silat ini di laman social seperti Youtube, website, blog dan lain-lain?**

JBK: okay, dengan zaman sekarang aaaa ialah --- kite [kita] saye [saya] rase [rasa] silat ini pun walaupun dia serba bentuk sukan tapi [tetapi] rase [rasa] saye [saya] kite [kita] tak [tidak] perlu lah dedahkan dalam bentuk Youtube, melalui media-media yang ade [ada] sekarang kerane silat [kerana] penuh rahsia [rahsia]. Rase [rasa] saye [saya] seeloknya kite [kita] belajar datang ke rumah ataupun jumpe [jumpa] sendiri. Tak [tidak] perlu lah kite [kita] melalui sebab silat ini ada tahap nya kite [kita] kene [kena] sorokkan pergerakan aaa rahsie [rahsia] yang tertentu.

**NNMD: (bunyi selakan kertas) Apakah aaa pesanan encik kepada masyarakat di luar sane [sana]?**

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

JBK: okay saye [saya] berharap aaa veteran-veteran terus, pengamal-pengamal aaa seni silat ini memberi semangat kepada anak-anak mude [muda] dan aaa terus memberi kate [kata] kunci yang terbaik aaa untuk meneruskan dan mempertahankan seni silat.

**NNMD: apakah pegangan encik dalam mengekalkan di dalam bidang yang encik ceburi ini?**

JBK: okay dalam kunci die [dia] saye [saya] senang je [saja] setiap pergerakan ade [ada] seni silat ini kite [kita] jangan menjual. Biarlah orang yang menjual dahulu. Jangan kite [kita] jual biar kite [kita] beli aaa biar orang jual barulah kite [kita] beli.

**NNMD: aaa apakah perkare [perkara] yang dapat memberi encik motivasi di dalam bidang seni mempertahankan diri ini?**

(encik Jaini mencelah tanpa penulis habis menanyakan soalan?)

JBK: motivasi aaa die [dia] saye [saya] dapat pertama untuk diri saye [saya] saye [saya] lebih aaa lebih aaa berdisiplin dalam menjalankan aktiviti silat dan jugs [juga] kejayaan kerjaya saye [saya] sebagai anggota penguatkuasa.

**NNMD: adekah [adakah] aaa encik masih mempelajari care [cara] untuk meningkatkan ilmu encik di dalam --**

(encik Jaini mencelah tanpa penulis habis menanyakan soalan?)

JBK: iye [ia] saye [saya] sedang mempelajari sambil saye [saya] mengajar saye [saya] juga mempelajari sedikit sebanyak melalui rakan-rakan seperjuangan dalam silat.

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

JBK: pesanan saye [saya] pade [pada] anak muda dan pesanan saye [saya] juga kepada pengamal-pengamal aaa seni silat teruskan aaa usaha kite [kita] memperkasakan memartabatkan seni silat, saye [saya] masih ingat aaa salah satu --- salah satu perguruan Allahyarham aaa Cikgu Hasyim pengamal-pengamal ehhhh ehhh seni silat ini, die [dia] kata dengan saye [saya] kite [kita] ini hamba seni maksud die [dia] kite [kita] ini hamba seni kite [kita] tak [tidak] tahu penat. Jadi kite [kita] saye [saya] berharap pengamal-pengamal seni aaa silat ini teruskan hingga ke satu ketika silat akan terkenal seperti aaa ilmu ape ni [apa ini] waje [waja] diri ataupun ilmu mempertahankan diri yang lain.

**NNMD: Apakah kunci utama kejayaan encik aaa sebagai pelatih sehingga mencapai kejayaan yang cemerlang di dalam bidang ini?**

JBK: okay, antare [antara] kejayaan yang penting daripada antare [antara] kite [kita] dan murid, antare [antara] murid dengan kite [kita] hubung kait itu penting antare [antara] sama lain dan hormat-menghormati itu lah kejayaan yang perlu ade [ada] seseorang dalam Berjaya dalam seni silat.

**NNMD: Bolehkah encik kongsi antara kejayaan yang encik aaa perolehi aaa dan encik ingati di dalam bidang ini?**

JBK: okay, kejayaan die [dia] kejayaan dari segi tulah [jumlah] yang saye [saya] cakap saye dapat [saya] bawak [bawa] balik untuk aaa UiTM Johor emas perak dan gangsa. Di samping iu juga, kejayaan saye [saya] juga dapat mendidik anak murid di peringkat sekolah, eh di peringkat sekolah dan di peringkat kampung.

**NNMD: apakah pandangan encik terhadap peranan generasi veteran di dalam menceburi bidang ini?**

**NNMD: mmmm pada pandangan encik patutkah bidang ini ditekankan di dalam peringkat sekolah, universiti, ataupun pertandingan?**

JBK: aaa okay, kite [kita] kena kekalkan dalam bentuk pelajaran sekolah dari segi sekolah (bunyi suara orang bercakap) untuk bentuk untuk aaa mengekalkan budaya silat dari peringkat sekolah rendah, aaa tadika rendah, menengah dan jage [juga] di peringkat universiti.

**NNMD: Jike [jika] diberi peluang, siapakah pesaing yang encik mahu berdepan?**

JBK: okay, maksud saye [saya] bukan persaingan dan silat ini tak [tidak] perlu ade [ada] persaingan kerana persaingan itu kalau dibagi peluang saye [saya] ingin aaa bertemu aaa dengan salah seorang yang saye [saya] minat gerak die [dia] iaini [iaitu] awal-awal saye [saya] cakap Eman Manan.

**NNMD: okay aaa adekah [adakah] encik peka terhadap isu atau krisis sukan yang encik ceburi pada mase [masa] sekarang?**

JBK: okay, dalam semua bentuk sukan ade [ada] juga krisis-krisis yang terjadi. Saye [saya] berharap kepada pengamal-pengamal sukan, kite [kita] ketepikan krisis-krisis aaa yang boleh membuatkan gerak silat atau seni silat ini aaa ketinggalan. Memang setiap sukan ade [ada] krisis tapi saye [saya] berharap ketepikan kepentingan diri aaa ketepikan siapa yang kuat, siapa yang handal kalau kite [kita] nak [hendak] mengekalkan seni silat kerana seni silat aaa mendidik kite [kita] supaya kite [kita] lebih merendah diri dan hormat-menghormati. Hindarkan dari segala aaa apeni [apa ini] aaa benda [benda] yang boleh membuatkan budaya silat itu aaa tidak berkembang.

**NNMD: apakah matlamat dan perancangan encik untuk jangka mase [masa] pendek dan panjang?**

JBK: okay dari segi mase [masa] pendek aaa kite [kita] boleh mendidik uhh (bunyi batuk) aaa seni silat ini melalui aaa mase [masa] aaa latihan dan jangka panjang kite [kita] latih anak-anak muda aaa dengan gerak-gerak tari silat ini dengan lebih kesan dengan tempat-tempat yang lebih menarik yang boleh membuatkan aaa --  
- boleh berkekal lama.

**NNMD: pernahkah encik menubuhkan persatuan di dalam bidang ini hasil dari usaha encik sendiri?**

JBK: okay, aaa seni silat ini aaa kalau kite [kita] nak [hendak] kekalkan kite [kita] perlu bersama. Kerana silat itu aaa kalau kite [kita] kaji perlu bersatu make [maka] kite [kita] bersatu beramai-ramai bolehlah kembangnya seni silat ini di dalam bentuk persatuan di peringkat dunia.

**NNMD: adekah [adakah] encik pernah meminta tajaan dari pihak luar bagi menyokong kejayaan encik?**

JBK: kalau kite [kita] nak [hendak] ikut sumbangan aaa atau sumbangan dari pihak luar aaa ialah saye [saya] berharap aaas sedikit sebanyak sumbangan dan juge [juga] tajaan ataupun dari pihak-pihak luar kita sedikit sebanyak dapat mengekalkan aaa keperluan-keperluan untuk aaa mengekalkan budaya silat, kerana kite [kita] kalau bergerak melalui persatuan melalui pergerakan sendiri silat tidak akan boleh berkembang tanpe [tanpa] ape-ape [apa-apa] sumbangan dan juga bantuan dari segi kementerian mahupun dari mana-mana pihak.

**NNMD: selain sukan silat ini, adekah [adakah] sukan lain yang encik minati?**

JBK: saye [saya] di peringkat sekarang lah aaa sss saye [saya] lebih tertarik dengan silat lah kerana kalau bola iu minat juge [juga] tapi silat ini die [dia] punya kate [kata] orang aura itu aaa berbeza aura seni silat itu berbeza sebab aaa silat ini aaaa hayati dengan aaa betul dapatlah keseronokan yang akan kite [kita] rasai.

**FFAS: adekah [adakah] encik mengikuti perkembangan pertandingan silat dalam Negara Malaysia sehingga ke mata dunia seperti Sukan Sea di Singapura sekarang ini yang ---**

(encik Jaini mecelah tanpa pemulis habis menanyakan soalan)

JBK: okay, aaa yang terbaru ini saye [saya] dapat juge [juga] melihat dan apabile [apabila] kitorang [kami] yang orang seni ini aaa kalau kite [kita] orang silat ini bila ade [ada] sahaja pertandingan daripada segi daerah aaa negeri walaupun Sukan SEA, saye [saya] dapat lihat dan saye [saya] sendiri walaupun kite [kita] tak [tidak] pergi kite [kita] melalui media-media mase [massa] lah aaa sedang berlaku di Singapura tentang Sukan SEA.

**FFAS: apakah pandangan encik tentang penglibatan aaa dan kejayaan Skwad Silat Negara yang meraih tiga (3) pingat emas baru-baru ini di Singapura?**

JBK: okay aaa silat, kite [kita] ade [ada] kite [kita] mempunyai potensi yang baik dari segi silat olahraga. Yang --- Tanya ini silat olahraga Sukan SEA kite [kita] meraih pingat emas aaa kejayaan ini selain datang daripada jurulatih dia juga datang dari individu itu sendiri dan kite [kita] juga rase [rasa] sudah punya nama dalam aaa sukan silat olahraga di peringkat Sukan SEA yang --- saye [saya] aaa semangat itu memang kite [kita] lah juga datangnya juge [juga] datang daripada jurulatih dan juge [juga] pengamal-pengamal silat.

**FFAS: Seni silat ini berasal daripada tanah melayu atau sekarang di bergelar Malaysia sendiri. Jika seni silat ini lebih dimenangi oleh Negara lain adakah situasi ini mencabar dan menjatuhkan maruah dunia melayu itu sendiri?**

JBK: okay, kite [kita] sebut sahaja silat saye [saya] pade [pada] peringkat awal dah cakap ia dari rumpun yang satu. Rumpun yang satu ini aaa apabila [apabila] kite [kita] sebut je [saja] silat rumpun yang satu saye [saya] beranggapan lah ataupun boleh saya cakap silat ini datangnya asal die [dia] rumpun yang satu daripada Indonesia apabila zaman penjajah berlaku setengah-setengah daripada aaa rakyat Indonesia datang ke tanah melayu masuk melalui Singapura, jadi bende [benda] ni [ini] aaa berkembang daripada Indonesia dan bila masuk ke tanah melayu dan sekarang Malaysia kite [kita] akan kekalkan melalui kalau kite [kita] nak [hendak] Malaysia kekal dengan pergerakan silat itu penambah baik daripada jurulatih-jurulatih ini penting. Aaa di samping sokongan kementerian-kementerian untuk terus mengekalkan aa silat olahraga tetap dalam genggaman aaa Malaysia.

**FFAS: adakah encik berbangga dengan pencapaian skuad-skuad Negara kite [kita] sendiri?**

JBK: sebagai seorang aaa seni ataupun pengamal silat saye [saya] bangga. Kerana kejayaan aaa skuad maksud die [maksudnya] silat olahraga yang sedang berad di Singapura dan Sukan Sea adalah mewakili seluruh warge [warga] aaa silat di tanah melayu.



**FFAS: apakah harapan dan ucapan yang hendak encik berikan kepada skuad Negara?**

JBK: yang pertame [pertama] saye [saya] ucapkan tahniah dan syabas kepada jurulatih-jurulatih yang telah mendidik aaa pesilat silat olahraga yang mewakili Malaysia di Sukan SEA Singapura sekalung budi dan ucapan syukur Alhamdulillah yang dapat mengharumkan nama dan mengekalkan budaye [budaya] silat itu melalui silat olahraga dan juge [juga] kepada pesilat pesilat teruskan aaa lebih semangat kerane [kerana] semangat anda adalah semangat perguruan-perguruan yang ade [ada] di tanah melayu ini.

**FFAS: adakah encik tahu bagaimana permarkahan sukan se aaa seni silat ini dinilai?**

JBK: okay, kalau silat olahraga ini kite [kita] tak [tidak] sebut seni silat ya. Kite [kita] sebut silat olahraga. Saye [saya] salah seorang juri ataupun ---. Memang saye [saya] dapat saye [saye] terlibat diri dengan --- juri selama hampir Sembilan belas (19) tahun. Markah nilai die [dia] saye [saya] tahu. Aaa kite [kita] akan ke kenakan juri seramai lima (5) ataupun aaa tiga (3) orang dan di tengah-tengahnya adalah ---. Markahnya juge [juga] saye [saya] tahu aaa tumbukan satu (1) mata, aaa tendangan dua (2) mata, kejatuhan tiga (3) mata dan kuncian lima (5) mata.

**FFAS: apakah kata-kata terakhir encik sebelum kami menamatkan temubual ini?**

JBK: okay pertama [pertama] martabatkan lah seni silat di mata dunia. "takkan melayu hilang di dunia". Ingat, bermula nya daripada permainan di istana silat ini inilah sekarang silat lebih rapat dengan kite [kita] sebut sahaja silat kite [kita] akan terbayang budaya melayu sebut sahaja kite [kita] akan terbayang sul kesultanan sebut sahaja silat kite [kita] akan terbayang laksamana Hang Tuah. Inilah die [dia] semangat-semangat yang dapat saye [saya] berikan kepada



## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

pengamal-pengamal silat dan juga anak-anak mude [muda]. Senang cite [cerita] majulah silat dan martabatkanlah silat untuk bangse [bangsa] melayu itu sendiri.

**NNMD: okay tamat sudah temubual kami tentang sukan olahraga silat. Diharap segala informasi yang telah kami dapat dan perolehi ini dapat digunakan pada masa hadapan untuk kegunaan masyarakat.**

**FFAS: ribuan terima kasih diucapkan di atas kesudian encik dalam meluangkan masa. Terima kasih.**

JBK: sama-sama. Saya [saye] bagi pihak diri saye [saya] dan juga seluruh pengamal silat mengucapkan terima kasih kerana ade [ada] yang nak [hendak] mengambil tahu tentang silat. Sekian wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum w.b.t. majulah silat untuk anak bangse [bangsa] melayu.

**FFAS, NNMD: sekian terima kasih. Waalaikummussalam**

LOG  
WAWANCARA

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

### 6.0 LOG WAWANCARA

MASA	SOALAN	HURAIAN
Bahagian A 00.00	<b>LATAR BELAKANG/ BIODATA</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Nama penuh</li><li>• Status</li><li>• Keluarga</li><li>• Pendidikan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Jaini Bin Kardi</li><li>• Berkahwin</li><li>• Empat orang anak</li><li>• SPM</li></ul>
05.39	<b>LATAR BELAKANG SILAT</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Bila memulakan di dalam bidang silat.</li><li>• Pendorong</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sejak umur dua belas tahun</li><li>• Ibu bapa dan kawan-kawan</li></ul>
39.32	<b>KEMAHIRAN DAN KEPAKARAN</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Kepakaran</li><li>• Kemahiran</li><li>• Tempat Belajar</li><li>• Mengajar</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Silat Cimande</li><li>• Mahir dalam silat tanpa senjata</li><li>• Kampung Paya Lebar</li><li>• Menjadi tenaga pengajar di Uitm, Kampung, Sekolah.</li><li>• Mengajar silat olahraga di Uitm Segamat</li></ul>

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

MASA	SOALAN	HURAIAN
00.00	<b>CARA MEMPERBAIKI SENI SILAT</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menarik minat orang ramai</li> </ul>	Aktiviti seperti pertandingan Kerajaan perlu menjaga kebajikan dan keperluan
1.13	<b>APAKAH YANG DAPAT BUKTIKAN DI MASYARAKAT</b>	Yang muda menghormati yang tua Merapatkan hubungan Gejala social berkurangan
1.55	<b>APAKAH YANG PERLU DITERAPKAN SUPAYA SILAT TIDAK DILUPAKAN</b>	Majlis rasmi diberi ruang membuat persembahan silat
2.50	<b>HARAPAN KEPADA BANGSA MELAYU DALAM MENGEKALKAN SENI SILAT</b>	Takkan melayu hilang di dunia
3.27	<b>SUKAN INI KEKAL DAN BOLEH DIGUNAKAN SELAMANYA</b>	Perlu ubahsuai syarat-syarat, gerak tempur Penuh dengan ciri-ciri semangat kesukanan dan setia kawan
4.11	<b>BERPUAS HATI DENGAN SUMBANGAN SENDIRI</b>	Jangan pernah ada perasaan puas hati
5.00	<b>SUMBANGAN YANG BELUM SEMPAT DISUMBANGKAN</b>	Didik anak murid di peringkat sekolah, universtii, kampung
5.39	<b>MELATIH GOLONGAN MUDA</b>	Melentur buluh biar dari rebungunya

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

MASA	SOALAN	HURAIAN
6.17	<b>PERANAN GOLONGAN VETERAN</b>	Menyumbang dari segi pandangan dan gerak seni silat
6.58	<b>CARA MENGEKALKAN MINAT DAN HOBI MASYARAKAT</b>	Kekalkan melalui peringkat umur
7.32	<b>BAKAL TERJADI KEPADA SILAT PADA MASA HADAPAN</b>	Silat akan kekal melalui pewaris-pewaris
8.14	<b>SILAT PADA MASA AKAN DATANG</b>	Boleh digunakan bila-bila masa dan mengikut keadaan semasa
8.41	<b>JASA YANG PERNAH DILAKUKAN</b>	Memperkenalkan silat kepada kampung
9.43	<b>KURANG DIGEMARI SEJAK-SEJAK AKHIR INI</b>	Tidak diberi ruang dan peluang apa itu silat
10.37	<b>PERBEZAAN SILAT DAN SENI PERTAHANKAN DIRI YANG LAIN</b>	Silat merendah diri, mendekati diri, asal usul bangsa, amal ibadah
11.28	<b>KEISTIMEWAAN DIRI</b>	Ramai kawan, kenalan melalui perguruan lain

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

MASA	SOALAN	HURAIAN
12.11	<b>MENGENAKAN SEBARANG BAYARAN</b>	Tidak mengenakan bayaran kerana ilmu hak
12.58	<b>MENGEMBANGKAN ILMU DI MEDIA SOSIAL</b>	Tidak perlu dedahkan dalam bentuk media social Datang rumah, belajar sendiri
13.55	<b>PESANAN KEPADA MASYARAKAT</b>	Memartabatkan seni silat
14.52	<b>KUNCI UTAMA KEJAYAAN</b>	Hubungkait antara murid dan guru dan sebaliknya itu penting
15.16	<b>KONGSI KEJAYAAN YANG DIPEROLEHI</b>	Uitm mendapat emas perak dan gangsa Mendidik anak murid di sekolah dan kampung
15.48	<b>PERANAN GENERASI VETERAN</b>	Memberi kata kunci yang baik
16.15	<b>PEGANGAN DIRI</b>	Jangan menjual. Orang jual baru kita beli
16.44	<b>MOTIVASI</b>	Lebih berdisiplin dalam silat dan kerjaya

---

**IMR604 – ORAL DOCUMENTATION**

---

<b>MASA</b>	<b>SOALAN</b>	<b>HURAIAN</b>
21.42	<b>MENGIKUTI PERKEMBANGAN SILAT SEHINGGA KE MATA DUNIA SUKAN SEA</b>	Melalui media massa
22.18	<b>PENGLIBATAN DAN KEJAYAAN SKUAD NEGARA D SINGAPURA</b>	Datang dari jurulatih dan individu
23.10	<b>JIKA SILAT DIEMENANGI OLEH NEGARA LAIN</b>	penambak dari jurulatih sokongan kementerian
24.32	<b>BERBANGGA DENGAN PENCAPAIAN SKUAD</b>	Berbangga
25.02	<b>HARAPAN DAN UCAPAN KEPADA SKUAD NEGARA</b>	Tahniah dan syabas Ucapan syukur Teruskan lebih semangat
25.43	<b>PEMARKAHAN DINILAI</b>	Tumbukan satu mata Tendangan dua mata Kejatuhan tiga mata Kuncian lima mata
26.26	<b>KATA-KATA TERAKHIR</b>	Memartabatkan seni silat ke mata dunia

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

<b>MASA</b>	<b>SOALAN</b>	<b>HURAIAN</b>
21.42	<b>MENGIKUTI PERKEMBANGAN SILAT SEHINGGA KE MATA DUNIA SUKAN SEA</b>	Melalui media massa
22.18	<b>PENGLIBATAN DAN KEJAYAAN SKUAD NEGARA D SINGAPURA</b>	Datang dari jurulatih dan individu
23.10	<b>JIKA SILAT DIEMENANGI OLEH NEGARA LAIN</b>	penambah dari jurulatih sokongan kementerian
24.32	<b>BERBANGGA DENGAN PENCAPAIAN SKUAD</b>	Berbangga
25.02	<b>HARAPAN DAN UCAPAN KEPADA SKUAD NEGARA</b>	Tahniah dan syabas Ucapan syukur Teruskan lebih semangat
25.43	<b>PEMARKAHAN DINILAI</b>	Tumbukan satu mata Tendangan dua mata Kejatuhan tiga mata Kuncian lima mata
26.26	<b>KATA-KATA TERAKHIR</b>	Memartabatkan seni silat ke mata dunia



# KRONOLOGI

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

### 7.0 KRONOLOGI

TARIKH	PERKARA	ORANG YANG DIHUBUNGI/TERLIBAT
15/3/2015 4.00 p.m	Diberikan pembahagian jenis tokoh dan perbincangan tentang subjek Dokumentasi Lisan di dalam kelas	Pelajar JIM2465B, Encik Zul-Azmi
19/3/2015 10.00 a.m	Berbincang dengan pasangan untuk memilih siapakah tokoh yang sesuai untuk ditemubual. Membuat keputusan untuk memilih Tokoh Seni Silat Sukan	Farah Fatin, Nurul Nasyalinda
22/3/2015 4.00 p.m	Mendapatkan nombor telefon beliau daripada kenalan yang mengenali beliau dan mendapat tugas dari pensyarah.	Farah Fatin, Nurul Nasyalinda, Nurul Syuhadah, Cik Asyikin
22/3/2015 4.00 p.m	Mendapatkan nasihat serta kelulusan daripada pensyarah untuk memilih beliau sebagai tokoh sukan	Farah Fatin, Nurul Nasyalinda, Encik Zul-Azmi
25/3/2015 5.30 p.m	Menghubungi beliau melalui aplikasi whatsapp dan mendapatkan keizinan beliau untuk ditemuramah.	Farah Fatin, Nurul Nasyalinda, Encik Jaini
14/4/2015 3.45 p.m	Menetapkan tarikh dan masa yang sesuai untuk menemuramah beliau.	Farah Fatin, Nurul Nasyalinda, Encik Jaini
7/5/2015 2.00 p.m	Menyediakan soalan yang bakal ditujukan kepada beliau.	Farah Fatin, Nurul Nasyalinda
24/5/2015 4.00 p.m	Perbincangan dengan pensyarah mengenai soalan yang bakal ditujukan. Prosedur menyusun semula rangka soalan, menambah soalan, membaiki soalan dilakukan.	Farah Fatin, Nurul Nasyalinda, Encik Zul-Azmi
16/6/2015 10.30 p.m	Perjumpaan bersama beliau di gelanggang futsal Kampung Paya Lebar. Selepas itu, berpindah tempat di Surau Kampung Paya	Farah Fatin, Nurul Nasyalinda, Encik Jaini

**BIODATA**  
**TOKOH**

### 8.0 BIODATA TOKOH



Nama di beri Jaini Bin Kardi. Beliau berumur 48 tahun. Encik Jaini di lahirkan di Kampung Kundang Ulu, Muar Johor dan kini menetap di Paya Lebar, Batu Anam, Segamat. Beliau sudah pun berkahwin dan mempunyai empat orang anak. Beliau sudah lama menceburi di dalam sukan seni silat ini sejak berumur dua belas tahun lagi sehingga kini. Beliau kini bekerja sebagai salah seorang pegawai majlis daerah negeri Segamat. Selain daripada mempelajari ilmu silat, beliau juga berkongsi ilmunya bersama anak-anak didiknya di kampung-kampung, di sekolah-sekolah, dan juga di Universiti Teknologi Mara, Segamat sebagai tenaga pengajar ataupun guru silat kepada anak-anak didiknya. Jenis silat yang beliau ceburi ialah silat jenis cimande ataupun boleh dikaitkan juga dengan silat olahraga.

**SENARAI**

**SOALAN**

## 9.0 SENARAI SOALAN

### SOALAN ORIENTASI

1. Bolehkan encik memperkenalkan latar belakang encik?
2. Bolehkan encik memperkenalkan nama encik?
3. Berapakah umur encik sekarang?
4. Di manakan encik dilahirkan?
5. Bolehkah encik menceritakan sedikit tentang latar belakang pendidikan encik?
6. Apakah status encik sekarang?
7. Ceritakan sedikit tentang keluarga encik.
8. Siapakah nama isteri encik?
9. Sudah berapa lama mendirikan rumahtangga?
10. Encik ada berapa orang anak?
11. Apakah hobi encik, selain daripada bersilat?
12. Berdasarkan pengetahuan encik, siapakah tokoh yang mencipta seni silat pertahakan diri ini?
13. Selain menjadi guru silat, apakah kerjaya atau pekerjaan encik sekarang?
14. Bagaimanakah encik menceburi dan melibatkan diri di dalam bidang seni silat ini?
15. Bilakah encik memulakan dan berjinak-jinak di dalam bidang silat ini?

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

16. Jika encik bukan didalam bidang ini, siapakah encik sekarang?
17. Dari manakah timbulnya minat di dalam seni silat ini?
18. Siapakah yang mendorong encik di dalam menceburi sukan seni mempertahankan diri ini?

### SOALAN UMUM

19. Bolehkah encik ceritakan sedikit tentang kemahiran dan kepakaran encik selain daripada bidang silat ini.
20. Sudah berapa lamakah encik menceburi didalam bidang seni silat ini?
21. Ceritakan sedikit tentang kenangan pahit dan manis sepanjang di dalam penglibatan seni silat ini.
22. Apakah keistimewaan sukan ini dengan sukan-sukan yang lain?
23. Biasanya golongan manakah yang lebih meminati di dalam bidang seni silat ini?
24. Apakah yang perlu mereka fokuskan untuk meneruskan bidang seni silat ini?
25. Siapakah pengasas yang menceburi di dalam bidang ini?
26. Berdasarkan pengetahuan encik, biasanya berapa peratuskah bilangan kaum yang berminat untuk menceburi di dalam bidang seni silat ini.
27. Apakah sumbangan encik terhadap masyarakat di dalam silat seni mempertahankan diri ini?
28. Bagaimanakah encik melihat bakat atau hubung kait diri encik di dalam seni silat mempertahankan diri ini?
29. Dimanakah encik melatih pelajar-pelajar atau anak didik encik di dalam sukan silat ini.

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

30. Siapakah yang memberi encik peluang untuk melatih pelajar-pelajar yang meminati didalam bidang silat ini?
31. Sejak bilakah encik menjadi pelatih silat seni mempertahankan diri ini?
32. Dari manakah encik mempelajari seni mempertahankan diri?
33. Siapakah nama guru pertama yang mengajar encik didalam bidang silat ini?
34. Bilakah encik tamat mempelajari bidang silat ini?
35. Di dalam bidang silat ini, adakah rahsia-rahsia yang tersirat di dalam mempelajari bidang silat ini?
36. Bolehkah encik menceritakan sedikit tentang pergerakan-pergerakan yang biasa dilakukan didalam seni mempertahankan diri ini.
37. Bolehkan encik terangkan sedikit tentang pergerakan- pergerakan yang ada di dalam silat ini daripada jurus satu hingga yang terakhir.
38. Di dalam seni mempertahankan diri ini, biasanya terdapat tahap-tahap pencapaian seseorang itu di dalam kemahiran mereka semasa mempelajari sukan silat ini. Bolehkan encik terangkan sedikit tentang tahap-tahap yang ada di dalam sukan silat ini mengikut kemahiran yang dipelajari oleh seseorang itu.
39. Bolehkah encik menerangkan tentang tahap atau pingat bagi seseorang itu mengikut ilmu yang mereka pelajari di dalam bidang silat ini seperti tali pinggang merah, hitam, dan sebagainya.
40. Apakah tanggungjawab yang encik perlu pegang terhadap anak-anak didik encik?
41. Golongan manakah yang perlu dititikberatkan untuk mencuri bidang silat mempertahankan diri ini?
42. Kenapa pentingnya wanita perlu ada kemahiran mempertahankan diri ini di dalam hidup mereka?



## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

43. Adakah cara pergerakan bagi wanita dan lelaki berbeza di dalam mempelajari sukan silat ini?
44. Adakah sukan ini akan memudaratkan kaum wanita?
45. Apakah kebaikan yang kita dapat sekiranya kita menceburi di dalam bidang silat ini?
46. Di dalam sukan silat ini, adakah alatan-alatan seperti keris diperlukan bagi pelengkap di dalam melakukan seni mempertahankan diri?
47. Tanpa memerlukan sebarang alatan untuk mempertahankan diri, adakah ianya cukup untuk menewaskan pihak musuh dengan menggunakan pergerakan dan langkah di dalam silat itu sahaja?
48. Bolehkah encik menerangkan sedikit tentang pergerakan yang paling penting yang perlu ada di setiap langkah di dalam silat itu.
49. Terdapat banyak jenis seni mempertahankan diri seperti silat. Bolehkan encik memberitahu kami nama-nama silat yang biasa digunakan oleh masyarakat melayu di Malaysia?
50. Apakah jenis silat yang encik mahir dan pelajari sekarang?
51. Selain jenis-jenis silat, bolehkan encik memberitahu kami sedikit contoh nama pergerakan yang ada di dalam silat ini?
52. Dengan adanya kemahiran silat ini, adakah ia dapat membantu kaum wanita untuk menempuh dugaan yang mendatang di luar sana?
53. Apakah perkara yang penting yang encik pelajari dari sukan silat ini untuk membentuk encik menjadi seorang yang lebih berdisiplin, berhati-hati dan sentiasa sedia menempuh pelbagai dugaan dan cabaran yang mendatang?
54. Apakah pegangan yang encik pegang selama ini di dalam mengekalkan minat di dalam bidang seni mempertahankan diri ini?
55. Dimanakah tempat encik selalu melakukan latihan silat ini?

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

56. Dimanakah tempat yang paling sesuai untuk encik melatih pelajar-pelajar encik di dalam silat ini?
57. Apakah “step” kegemaran encik yang biasa encik lakukan atau pergerakan yang paling encik gemari di dalam sukan silat ini?
58. Adakah encik menggunakan kelebihan yang ada dalam diri encik dalam seni mempertahankan diri ini semasa encik berada di luar?
59. Apakah resepi kejayaan encik selama anda berkecimpung di dalam bidang seni silat ini?
60. Bagaimanakah encik membahagikan masa dengan sukan silat ini dan kerjaya anda sekarang?
61. Adakah pengalaman turut menjadi guru di dalam mencapai sesuatu kejayaan?
62. Antara kerjaya dan pengalaman encik di dalam sukan seni mempertahankan diri ini, yang manakah lebih penting bagi encik?
63. Siapakah tokoh silat Malaysia yang encik kagumi. Mengapa?
64. Apakah cabaran utama encik dalam melakukan bidang seni mempertahankan diri ini?
65. Apakah kelebihan dan kelemahan diri encik?
66. Adakah kelebihan diri encik menyumbang dalam bidang yang encik ceburi ini? Mengapa?
67. Adakah kelemahan diri encik menyumbang dalam bidang yang encik ceburi ini? Mengapa?
68. Bagaimana cara encik untuk bangkit semula dari kegagalan yang pernah encik alami?

69. Bagaimana encik menguruskan dan menyeimbangkan masa encik dengan kerjaya dan bidang ini?

### SOALAN TERPERINCI

70. Apakah yang encik lakukan untuk mengekalkan di dalam bidang seni mempertahankan diri ini?

71. Apakah yang encik lakukan untuk tarik minat masyarakat di dalam sukan silat ini?

72. Pada pendapat encik, apakah yang perlu di diperbaiki di dalam mempertahankan seni silat ini kepada orang ramai supaya lebih ramai orang yang menceburi di dalam bidang ini?

73. Dengan adanya kemahiran ini, apakah yang dapat encik buktikan kepada masyarakat di luar sana?

74. Siapakah tokoh-tokoh yang boleh dijadikan contoh kepada masyarakat kita?

75. Apakah yang encik perlu lakukan untuk menerapkan dan kekalkan di dalam bidang ini supaya seni silat mempertahankan diri ini tidak akan dilupakan?

76. Apakah harapan encik kepada bangsa melayu di dalam mengekalkan sukan silat seperti ini supaya tidak akan dilupakan?

77. Bolehkah sukan ini kekal dan sentiasa digunakan untuk selamanya?

78. Adakah encik berpuas hati di atas sumbangan yang telah encik sumbangkan selama ini di dalam sukan silat ini?

79. Selain daripada itu, adakah sumbangan yang belum sempat encik sumbangkan di dalam seni silat mempertahankan diri ini?

80. Kenapa kita perlu melatih golongan muda untuk menceburi bidang seni mempertahankan diri ini?

81. Apakah cara yang perlu kita lakukan untuk mengekalkan minat dan hobi masyarakat di dalam bidang seni silat ini?

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

82. Pada pendapat encik, apakah yang bakal terjadi di dalam warisan melayu seni mempertahankan diri seperti silat ini di masa akan datang?
83. Apakah pesanan encik kepada masyarakat di luar sana?
84. Apakah kunci utama kejayaan encik sebagai tokoh seni silat sehingga mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang ini?
85. Boleh encik kongsi antara kejayaan yang encik sentiasa ingati dalam bidang seni silat ini?
86. Apakah pandangan encik terhadap peranan generasi generasi veteran dalam menceburi bidang seni silat ini?
87. Apakah pegangan encik dalam mengekalkan dalam bidang yang encik ceburi ini?
88. Apakah perkara yang dapat memberikan encik motivasi dalam bidang ini?
89. Adakah encik masih mempelajari cara untuk meningkatkan ilmu encik dalam bidang ini? Dan bila?
90. Pada pandangan encik, patutkah bidang ini ditekankan dalam peringkat sekolah, university atau pertandingan?
91. Jika diberi peluang, siapakah pesaing yang encik mahu berdepan? Mengapa?
92. Adakah encik peka terhadap isu atau krisis sukan yang encik ceburi pada masa sekarang?
93. Apakah matlamat dan perancangan encik untuk jangka masa pendek dan panjang?

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

94. Pernahkah encik menubuhkan persatuan dalam bidang ini hasil dari usaha encik sendiri?
95. Adakah encik pernah meminta tajaan daripihak luar bagi menyokong kejayaan encik?
96. Selain sukan silat ini, adakah sukan lain yang encik minati?
97. Apakah jasa yang encik pernah lakukan di dalam kampung encik sendiri?
98. Pada pendapat encik, mengapakah sejak akhir-akhir ini seni silat tradisional kurang digemari oleh masyarakat?
99. Apakah perbezaan seni silat ini dengan seni mempertahankan diri yang lain?
100. Boleh encik ceritakan keistimewaan yang ada pada diri encik yang boleh dijadikan contoh kepada masyarakat?
101. Kepada masyarakat yang ingin mempelajari seni silat ini dengan encik, adakah encik mengenakan bayaran?
102. Selain daripada mengajar di sekolah-sekolah, university dan di kampung encik sendiri, adakah encik mengembangkan ilmu silat ini di laman social seperti youTube, blog, website dan lain-lain?
103. Adakah encik mengikui perkembangan pertandingan silat dalam Negara Malaysia sehingga ke mata dunia seperti Sukan SEA di Singapura?

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---

104. Apakah pandangan encik tentang penglibatan dan kejayaan skuad silat Negara yang meraih tiga pingat emas baru-baru ini di Singapura?
105. Seni silat ini berasal daripada Malaysia sendiri. Jika seni silat ini lebih dimenangi oleh negara lain, adakah situasi ini mencabar dan menjatuhkan maruah dunia melayu itu sendiri?
106. Adakah encik tahu bagaimanakah pemarkahan sukan seni silat ini dinilai?
107. Harapan dan ucapan tahniah yang hendak encik berikan kepada skuad Negara?
108. Adakah encik berbangga dengan pencapaian skuad Negara kita sendiri?
109. Kata-kata akhir sebelum kami tamatkan temubual?

# RALAT

### 10.0 RALAT

Ralat atau gangguan yang terdapat semasa temubual dijalankan adalah seperti:

- Bunyi angin ketika cuaca hujan
- Bunyi membetulkan kedudukan telefon sebagai medium merekod temubual
- Bunyi selakan kertas atau buku
- Bunyi batuk



**SENARAI  
RUJUKAN**

## 11.0 SENARAI RUJUKAN

- Ahmad Muliady Abdul Majid. (2015, June 15). *BERNAMA - Skuad Silat Negara Tujuk Taring Di Singapura*. Retrieved from <http://www.bernama.com/bemama/v8/bm/sp/newssports.php?id=1144097>
- Muhammad Sholeh. (2013, August 25). *Gerakan macan dan monyet berkelahi, jurus andalan silat Cimande*. Retrieved from <http://www.merdeka.com/peristiwa/gerakan-macan-dan-monyet-berkelahi-jurus-andalan-silat-cimande.html>
- Pak Kaher. (2010, May 6). *Pencak Silat Cimande*. Retrieved from <http://www.kpsnusantara.com/reflect/malay/profile/pencak/20silat/cimande.htm>
- Shahid Hashim. (2013, January 06). *Silat Melayu Alam Berkembang Menjadi Guru*. Retrieved from <http://silat-melayu.blogspot.com/2013/06/passing-on-legacy.htm>
- Jaini Bin Kardi. (2015, Jun 16). *Tokoh Sukan Seni Silat (Nurul Nasyalinda Binti Mohd Don , Farah Fatin Binti Abdullah Sani)* [Audio recorder]

# LAMPIRAN

12.0 LAMPIRAN



Pertandingan Silat Olahraga (Karisma)



Pertandingan Silat di Peringkat Daerah



Bersama anak-anak didiknya berlatih silat di Segamat.



Persiapan Sebelum ke persembahan Silat.





Karisma UITM Johor



Majlis di Kampung Paya Lebar, Batu Anam

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---



Memberikan Penghargaan Kepada Yang Berhormat Sebelum Membuat Persembahan Silat.



Membuat Persembahan di Majlis Perkahwinan



---

IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---



Bergambar bersama Yang Berhormat Maha Guru Silat



Majlis Penyerahan Keris



---

## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---



Bersama Tenaga Pengajar Silat



Menjadi Juri di Pertandingan Silat.



Perserta-perserta Silat Daerah Segamat



Pelajar-pelajar Uitm yang Menyertai Pertandingan Silat



## IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

---



Pelajar-pelajar Silat Selepas Membuat Persembahan



Bersama Anak-anak didiknya di Kampung Paya Lebar



Bersama Pegawai-pegawai Daerah Segamat



Gambar Kenangan Bersama Tokoh Sukan Silat Olahraga dan Anaknya  
Semasa bertemuramah dengannya.

# INDEKS

13.0 INDEKS

*A*

Allah 1,7,10,13,17, 42  
Abstrak 2

*B*

Biodata 4,5,54

*C*

Cimande 17,18,21,35,47,56,60  
Ceburi 11,12,13,15,24,36,60

*D*

Dorongan 34  
Dasar 8

*E*

Emas 29,43,67

*F*

Fungsi 43

*G*

Gelanggang 2,9,16,17,28,38,53  
Gejala 35

*H*

Himpunan 34

*I*

Intisari 12

*J*

Jasa 6,39,62

*K*

Kampung 2,11,15,16, 18,25,54,62,73  
Karate 12,21

*L*

Lampiran 66  
Lenggukkan 56

**M**

Majlis 8,10,29,35,58

**N**

Negeri 15,16,32,69,72

**O**

Organisasi 54

**P**

Parang 16

Perguruan 7,10,13,15,25,35,42

**R**

Rakaman 9

**S**

Surau 2,12,17,53

**T**

Tokoh 2,6, 10, 31,54,55,56,74

Tembung 20,24,25

**U**

Universiti 2, 9, 44, 45, 54

**W**

Whatsapp 42

Wasit 17

**y**

Youtube 42,62

**Z**

Zaman 2,17,42